



PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

SELASA: 6 MEI 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR)

TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN : 10

Tuan Lee Chee Leong (Kampar) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah jadual pelaksanaan Projek Landasan Keretapi Elektrik Berkembar dari Ipoh, Perak ke Rawang, Selangor dan bilakah projek tersebut akan mula beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang – Ipoh mula dilaksanakan pada 1 Jun 2005 dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2007. Operasi di laluan tersebut bermula pada tarikh yang sama.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
**DARIPADA : Y.B. DR. LO' LO' BINTI
MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)**
TARIKH : SELASA, 6 MEI 2008
RUJUKAN : 004
SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan polisi Kerajaan tentang penyediaan surau di premis perniagaan terutama di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan menyokong syarat yang biasa dikenakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam pembangunan perniagaan yang memerlukan penyediaan kemudahan surau.

Mengikut kehendak perancangan, setiap cadangan pembangunan perniagaan yang dimajukan oleh pihak kerajaan atau swasta perlu menyediakan kemudahan surau/bilik sembahyang bagi orang Islam. Kemudahan surau/bilik sembahyang tersebut hendaklah menyediakan

tempat berwuduk secara berasingan untuk golongan lelaki dan wanita. Selain itu, surau/bilik sembahyang perlu ditempatkan di aras yang menjadi tumpuan ramai bagi memudahkan ianya digunapakai.

Antara pembangunan perniagaan yang perlu menyediakan kemudahan terbabit adalah seperti kompleks beli-belah, pejabat, medan selera (*food court*), pusat penjaja, stesen minyak, hotel dan pangsapuri servis.

NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing
@ Wilfred
[Tuaran]**
TARIKH : **6 MEI 2008**
SOALAN : 1512

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengubah borang-borang permohonan rasmi seperti borang permohonan kerja yang tidak mempunyai ruang bagi kategori bumiputera di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi borang permohonan SPA 8 dan SPA 8i (secara online) untuk menjawat jawatan ke Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), ruang bagi kategori bumiputera Sabah dan Sarawak telah disediakan di dalam borang permohonan tersebut. Pemohon perlu mengisi alamat tetap dan termasuk maklumat keturunan dan agama. Begitu juga dengan kaum-kaum lain, pemohon perlu mengisi maklumat yang sama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN :**

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kerajaan telah memutuskan doktor di klinik swasta tidak dibenarkan 'dispensi' ubat dan jika ya, bilakah polisi ini akan mula dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali pertanyaan ini dengan pertanyaan daripada Y.B. Beluran bertarikh 7 Mei 2008 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bercadang untuk membahagikan peranan di antara doktor dan Pegawai Farmasi. Oleh yang demikian, tidak akan terdapat sebarang pertukaran pada dasar sedia ada kerana pihak Kementerian tidak mahu membebankan rakyat. Kajian mungkin perlu diadakan untuk melaksanakannya di bandar-bandar yang mempunyai Ahli Farmasi atau *outlet* farmasi yang banyak. Pada masa ini, pengasingan fungsi pendispensan ubat-ubatan didapati masih belum lagi sesuai untuk dilaksanakan dan setakat ini pelaksanaannya masih kekal sebagaimana sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B.TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID**
TARIKH : **06 MEI 2008**

SOALAN:

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Sekolah Rendah Agama (SRA) di seluruh negara dalam masa terdekat ini memandangkan tempoh 6 tahun pendidikan di SRA memberi kesan sangat besar dalam pembentukan sahsiah modal insan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Negeri Sekolah Rendah Agama (SRA) ditubuhkan oleh Kerajaan negeri. Untuk Wilayah Persekutuan, SRA ditubuhkan di bawah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan tidak bercadang menubuhkan SRA untuk negeri-negeri di seluruh negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)
TARIKH : 6.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT) minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan-rancangan terkini untuk membina bilik darjah tambahan di Sekolah Cina Bercham dan adakah sebarang cadangan untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah Cina memandangkan jumlah pelajar yang terlalu ramai di sekolah yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Walaupun dasar kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, KPM tidak pernah mengabaikan pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Pelbagai usaha dan cara telah dibuat bagi mengatasi masalah keperluan SJKC dan SJKT, antaranya;

1. Pembinaan sekolah baru
2. Perpindahan

3. Gantian penuh
4. Bangunan tambahan
5. Baikpulih
6. Naik taraf

Berhubung dengan SJKC Bercham, walaupun KPM tidak menyenaraikan pembinaan bilik darjah tambahan dalam RMKe-9, KPM mengambil maklum terhadap masalah yang dihadapi.

Berdasarkan statistik enrolmen sekolah tersebut, jumlah murid yang mendaftar masuk ke SJKC Bercham sebelum tahun 2006 menunjukkan peningkatan. Namun, jumlah enrolmen tersebut berkurangan pada tahun 2007 dan 2008 dan ini menunjukkan peningkatan enrolmen telah mencapai tahap 'tepu'. Untuk makluman, jumlah enrolmen Tahun 6 yang akan menamatkan sesi persekolahan pada hujung tahun 2008 pula adalah dianggarkan seramai 500 orang murid berbanding enrolmen tahun 2009 tidak melebihi 500 orang murid. Senario yang dinyatakan ini menjelaskan bahawa sekolah tersebut masih mampu menampung jumlah murid dan menerima masuk murid yang ingin bersekolah di sekolah tersebut.

Sebagai langkah jangka panjang, pihak sekolah dan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) memang sedang merancang untuk menambah jumlah bilik darjah sedia ada dan perkara ini akan dibincangkan dengan pihak KPM kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]

TARIKH : 6 MEI 2008

RUJUKAN : 832

SOALAN :

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik sebenar masalah jenayah di negara ini sejak 5 tahun lalu. Apakah sebab yang menyebabkan peningkatan sangat tinggi (160%) jenayah rompak (Gang Robbery) dalam tahun 2007 dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Kanowit yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah indeks jenayah bagi tahun 2004 adalah sebanyak 156,456 kes. Pada tahun 2005, jumlah indeks jenayah telah meningkat kepada 157,459 kes atau 0.7%. Tahun 2006 pula, jumlah indeks jenayah telah meningkat ke 188,453 kes iaitu peningkatan sebanyak 19.7%.

Bagi tahun 2007, jumlah indeks jenayah negara ini telah meningkat kepada 209,659 kes iaitu peningkatan sebanyak 11.3%. Sementara untuk tahun 2008 (bagi tempoh Januari hingga Mac), jumlah indeks jenayah adalah sebanyak 54,379 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Punca yang menyebabkan peningkatan sangat tinggi iaitu 160% bagi tahun 2007 untuk kes jenayah rompak atau 'Gang Robbery' adalah disebabkan beberapa pindaan seksyen dalam Akta Kanun Keseksaan pada tahun 2006.

Pindaan Seksyen 390 Kanun Keseksaan telah memasukkan misalan (e) yang menyatakan mana-mana kes ragut yang mendatangkan kecederaan kepada si mangsa akan disiasat sebagai kes samun dan jika peragut tersebut terdiri daripada 2 orang atau lebih, maka kes tersebut akan disiasat sebagai kes samun berkawan.

Pindaan seksyen 391 Kanun Keseksaan pula telah menggantikan kesemua perkataan "lima" di dalam seksyen tersebut kepada perkataan "dua" yang menyebabkan mana-mana kes samun yang dilakukan oleh 2 orang atau lebih akan disiasat sebagai kes samun berkawan.

Pindaan-pindaan ini telah menyebabkan indeks jenayah bagi kes rompak telah meningkat sementara bagi kes samun biasa telah menurun.

No: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KEEMPAT, PARLIMEN KESEBELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN
HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang membina jalan luar bandar di kawasan P221 Limbang khususnya dari Kampung Telahak hingga ke Kampung Bong Abai dan Kampung Ipai ke Kampung Pendam di sepanjang Batang Limbang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah menerima permohonan bagi pelaksanaan projek jalan Kg. Ipai ke Kg. Pendam, Limbang yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 18.60 km dengan anggaran kos berjumlah RM28.30 juta di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 dan telah dikemukakan untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri..

Walau bagaimanapun, Kementerian tidak menerima cadangan untuk pembinaan jalan Kg. Telahak ke Kg. Bong Abai dari pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)
TARIKH : 6.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- a) berapakah berat sebenar jika ditimbang semua buku yang digunakan termasuk buku wajib dan buku yang dicadangkan oleh sekolah/Jabatan yang dibawa oleh murid darjah satu ke sekolah; dan
- b) adakah berat tersebut tidak memberikan apa-apa implikasi kesihatan dan pembangunan fizikal murid ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Memandangkan isu beg berat melibatkan murid-murid sekolah rendah seringkali ditimbulkan, pada tahun 2003, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan kajian khusus mengenai isu beg berat bagi mengenal pasti punca sebenar yang menyumbang kepada beg berat. Kajian ini melibatkan semua jenis sekolah rendah di beberapa buah sekolah di negeri Selangor, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka.

Dalam kajian tersebut, buku-buku teks KBSR bagi Tahun 1 hingga Tahun 6 telah ditimbang. Hasil kajian mendapati berat sebenar keseluruhan buku teks adalah di antara 2.8 kg. – 3.0 kg. sahaja. Untuk makluman, berat tersebut merupakan berat keseluruhan buku teks KBSR bagi sesuatu tahun. Berat buku teks ini akan jauh berkurangan sekiranya murid membawa buku teks mengikut jadual waktu harian. Langkah kerajaan menyediakan buku teks secara jilid juga adalah bertujuan untuk mengurangkan berat beg yang dibawa oleh murid khususnya murid tahap 1.

Dapatan kajian juga menunjukkan berat beg yang dibawa oleh murid disebabkan mereka membawa barang-barang lain, di antaranya ialah buku kerja tambahan, buku rujukan, botol air, permainan dan kotak pensil.

KPM mengakui bahawa kesan negatif seperti implikasi kesihatan akan dihadapi oleh murid khususnya Tahun 1 dan Tahun 2 akibat daripada berat berlebihan bagi beg sekolah mereka. Bagi mengatasi hal ini, ibu bapa juga adalah disaran untuk menyemak jadual waktu setiap hari bagi memastikan buku dan barang-barang yang dibawa oleh anak-anak mereka ke sekolah adalah yang berkaitan sahaja. Manakala guru kelas pula ada menyediakan tempat menyimpan buku latihan yang tidak digunakan sebagai kerja rumah di kelas masing-masing.

NW: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)
NO. PERTANYAAN : NO.19

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-**

- a) apakah kriteria/prosedur untuk perlantikan Naib Canselor universiti awam; dan
- b) bagaimanakah meritokrasi diukur dan diamalkan untuk pengambilan pelajar universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pengurusan tertinggi universiti khususnya Naib Canselor (NC) dan Timbalan Naib Canselor (TNC) akan dilaksanakan oleh satu badan bebas yang dilantik oleh kerajaan yang dipanggil Jawatankuasa Pemilih (*Search Committee*). Ahli Jawatankuasa adalah terdiri dari tokoh-tokoh terkenal dalam pelbagai bidang dan memegang jawatan penting dalam sesebuah organisasi, mantan Naib Canselor universiti awam,

wakil masyarakat setempat di mana universiti itu berada dan juga wakil dari Lembaga Pengarah Universiti tersebut.

Dalam masa 3 bulan sebelum tamat perkhidmatan seseorang Naib Canselor, KPT akan menubuhkan Jawatankuasa Semakan/Carian bagi menilai prestasi Naib Canselor berdasarkan petunjuk prestasi (KPI) yang ditetapkan serta amalan terbaik dunia yang lain. Sekiranya Jawatankuasa berpuas hati dengan prestasi Naib Canselor sedia ada, maka Jawatankuasa akan mengesyorkan kepada Y.B. Menteri supaya perkhidmatan beliau disambung. Sekiranya Jawatankuasa tidak berpuas hati, maka calon-calon lain yang berkecualan akan dicadangkan.

Asas pemilihan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti Visi dan Misi, Kepimpinan dan Pengurusan, Pencapaian Akademik, Pengiktirafan, Keperibadian Unggul dan Kemahiran berkomunikasi.

Calon-calon yang dikenalpasti akan ditemuduga dan dinilai berdasarkan kriteria dan prestasi semasa temuduga. Calon-calon yang berjaya akan disyorkan kepada Y.B. Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan.

b) Dasar meritokrasi bagi pemilihan kemasukan ke IPTA telah diguna pakai mulai Sesi Akademik 2002/2003. Mulai Sesi Akademik 2006/2007, dasar dan kaedah ini mengguna pakai 90% akademik dan 10% kokurikulum. Faktor kejayaan seseorang itu terpilih ke program pengajian yang dipohon bergantung pada susunan merit,

pilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi program pengajian berkaitan tanpa mengira kaum atau sama ada dari bandar dan luar bandar. Mereka mempunyai peluang pendidikan tinggi yang sama dan adil dalam pelaksanaan meritokrasi.

Justeru, pemohon yang layak dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan seperti di atas akan diberi tempat ke IPTA yang bersesuaian.

Kementerian yakin prinsip meritokrasi yang diamalkan telah memberi akses dan peluang pendidikan tinggi yang luas dan sama rata kepada pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan secara telus dan adil.

SOALAN NO. (20)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik yang membawa kesan negatif kepada alam sekitar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat prihatin dan peka tentang pelupusan beg-beg plastik yang boleh menimbulkan kesan negatif kepada alam sekitar. Sehubungan dengan ini Kementerian sedang giat menjalankan kempen-kempen kesedaran awam supaya para pengguna dan juga pengeluar sedar akan kesan negatif kepada alam sekitar jika beg plastik ini tidak dilupuskan dengan berkesan dan dikurangkan penggunaannya. Dalam hal ini , KPKT telah melancarkan kempen 3R Beg Plastik bersama-sama dengan Persatuan Pengilang Plastik Malaysia, pasaraya seperti CARREFOUR, GIANT, MYDIN, JUSCO, TESCO DAN THE STORE bagi mengurangkan penggunaan plastik di pasaraya tempatan.

Selain itu, KPKT juga menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat kitar semula bagi mengurangkan pelupusan plastik di tapak-tapak pelupusan. KPKT juga telah mewujudkan peruntukan-peruntukan mengenai kitar semula di dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Di antara peruntukan tersebut termasuklah pengasingan sisa pepejal dipunca, sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit yang boleh digunakan bagi mengitar semula beg-beg plastik.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
TARIKH : 6.5.2008

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta Menteri Pelajaran menyatakan prestasi pencapaian pelajar UPSR dan PMR dalam Matematik dan Sains sejak ia dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Tidakkah ada hasrat Kementerian untuk menukar kembali pengajaran kedua-dua subjek ini ke dalam bahasa ibunda.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kohort pertama murid sekolah rendah yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang mula diperkenalkan pada tahun 2003 akan mengambil UPSR pada tahun ini (2008). Oleh yang demikian, prestasi pencapaian mereka yang sebenar hanya dapat dilihat setelah mereka menduduki UPSR pada bulan Oktober ini.

Bagi murid yang mengambil PMR pula, mereka telah mengikuti PPSMI sejak dari Tingkatan Satu. Berdasarkan keputusan PMR tiga tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2007, pelaksanaan PPSMI terbukti tidak menjejaskan pencapaian murid dalam kedua-dua mata pelajaran. Sebagai contoh, dalam mata pelajaran Matematik, peratus kelulusan (mendapat gred A,B,C dan D) meningkat daripada 84.1 % (2005) kepada 87% (2007). Prestasi

murid yang mendapat A juga meningkat daripada 21.2% (2005) kepada 25.5% (2007). Bagi mata pelajaran Sains pula peratus kelulusan juga stabil iaitu di sekitar 90% untuk tiga tahun berturut-turut. Begitu juga yang mendapat gred A di sekitar 17% untuk tahun 2005, 2006 dan 2007.

Kerajaan sedar dengan pengenalan dasar baru ini pada tahun 2003 akan menghadapi banyak cabaran, tetapi ia amat diperlukan demi kepentingan masa depan negara. KPM juga telah menjangkakan pelbagai rintangan dan kelemahan yang bakal dihadapi terutamanya pada peringkat awal pelaksanaan. Ini kerana pengajaran di bilik darjah memerlukan perubahan dari segi kemahiran dan amalan. Kedua-dua ini memerlukan masa dan usaha untuk guru dan murid membiasakan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Pada masa ini pelaksanaan PPSMI baru memasuki tahun ke enam. Bagi sebahagian guru yang mengajar Tahun 5 dan Tingkatan 5, mereka baru melalui perubahan ini selama setahun. Manakala bagi guru-guru yang mengajar di Tahun 6, ini merupakan pengalaman pertama mereka. Kita yakin bahawa apabila guru telah semakin yakin dan cekap, pelaksanaan di bilik darjah akan bertambah mantap.

Sehubungan dengan itu, KPM akan membuat penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI secara menyeluruh khususnya bagi kohort Tahun 6 yang mengambil UPSR tahun ini (2008) kerana kohort ini telah mengikuti PPSMI selama 6 tahun iaitu mulai dari Tahun 1 (2003). Penilaian ini dibuat sebanyak dua kali setahun untuk melihat tahap pelaksanaan, pencapaian dan kemajuan secara berkala murid-murid, dari segi penguasaan bahasa Inggeris dengan mengambil kira data daripada setiap sekolah dan guru di seluruh negara. Dapatan penilaian ini akan digunakan untuk KPM membuat keputusan berkaitan pelaksanaan PPSMI sama ada diteruskan atau membuat penambahbaikan demi untuk memantapkan lagi dasar ini.

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM
(BAYAN BARU)**

TARIKH : 6 MEI 2008

**SOALAN : DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM
(BAYAN BARU)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan menubuh Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri yang terlibat di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

JAWAPAN : Y.B. DATO' HAJI HASSAN BIN MALEK

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri yang terlibat di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)
TARIKH : 6.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR) minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah wang yang diperuntukkan bagi bekalan susu segar di setiap negeri dan nilai bekalan bagi sekolah-sekolah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terlebih dahulu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menghargai usaha kerajaan negeri Sabah kerana memulakan program susu sekolah kepada murid di seluruh negeri Sabah lebih awal iaitu bermula sejak tahun 1980.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan daripada kerajaan negeri terhadap program ini adalah berjumlah RM13 juta setahun. Usaha sebegini amatlah dialu-alukan bagi meringankan beban KPM dalam menyediakan pelbagai bantuan kepada murid. Diharapkan usaha murni sebegini dapat dilakukan oleh negeri-negeri lain di seluruh negara.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Hussain [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan merujuk isu penyelewengan Dana Awam yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2006 mengenai pembelian kelengkapan oleh IKBN. Mengapakah Menteri terbabit tidak disiasat oleh BPR bagi menjelaskan kedudukan sebenar kes tersebut.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah membuka beberapa kes siasatan terhadap Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) lanjutan dari pendedahan yang dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Siasatan-siasatan tersebut hanya melibatkan pegawai dan kakitangan awam yang bertugas di Institut berkenaan yang disyaki telah melakukan perbuatan yang berunsurkan jenayah dalam pembelian kelengkapan di IKBN. Siasatan turut mendapati Y.B. Menteri tidak terlibat langsung dengan jenayah-jenayah tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN :

Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM [Bukit Gantang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan pusat-pusat bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (Swasta) yang terpaksa gulung tikar akibat pengenalan sistem kuota oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan kekurangan pelajar.”

PR-1211-L11311

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), yang ditubuhkan pada Jun 2006 adalah bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelatih yang ingin mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di pusat latihan kemahiran awam ataupun swasta. PTPK membiayai program latihan terpilih sahaja terutama program yang diperlukan oleh industri. Sistem kuota yang dikenakan oleh PTPK ini adalah kerana Dana yang terhad. PTPK juga inginkan Pusat Bertauliah (PB) sedia ada dapat berkembang kukuh dan lebih berwibawa di samping memastikan kualiti pelajar dan pembelajaran terjamin.

Pada masa ini belum ada PB Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang gulung tikar akibat sistem kuota yang diperkenalkan oleh PTPK. Namun demikian penetapan kuota ini akan dikaji dan ditambah dari masa ke semasa berdasarkan dana yang diluluskan, prestasi

PB serta bayaran balik pinjaman oleh pelajarnya. Ini diharapkan akan membolehkan PB sedia dapat beroperasi dengan lebih terjamin.

Masalah kekurangan pelajar yang dihadapi oleh PB boleh diatasi sekiranya PB swasta tidak hanya tertumpu kepada kumpulan pelajar yang sama yang menjadi tumpuan pusat latihan kemahiran awam seperti Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Giat MARA, Akademi Binaan (CIDB), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Kolej Komuniti. PB swasta perlu mengelakkan persaingan bagi mendapatkan pelatih dengan Agensi Kerajaan yang mana merupakan antara punca kekurangan pelajar yang dihadapi oleh PB swasta.

SOALAN NO: 26 (26)

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 06.05.2008

SOALAN : DATO' LILAH BIN YASIN (Jempol) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar pelupusan sampah di Rancangan Tanah FELDA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelupusan sampah di rancangan FELDA dilakukan secara tradisi iaitu dengan cara pembakaran dan menanam sampah-sampah di belakang rumah peneroka. Kaedah ini menjadi amalan sejak sekian lama memandangkan terdapatnya kawasan di belakang rumah untuk

dijadikan tempat buangan sampah. Bagi meningkatkan keberkesanan dan mewujudkan sistem pelupusan yang teratur, FELDA telah menubuhkan Majlis Tempatan untuk melaksanakan aktiviti pelupusan dan pembuangan sampah. Mulai tahun 2004, FELDA memberi sumbangan atas kadar 2:1 iaitu RM2 disumbangkan FELDA dan RM1 oleh peneroka bagi membiayai kos pelupusan sampah.

Majlis Tempatan FELDA digerakkan di tanah rancangan bagi menguruskan hal ehwal berkaitan dengan program keceriaan termasuklah landskap, penanaman pokok di sekitar jalan utama, pelupusan sampah dan lain-lain lagi. Bagi memastikan tempat pelupusan sampah ini dimanfaatkan oleh penduduk, kutipan sampah secara berjadual dilaksanakan di mana sampah dikutip secara berkala bagi memastikan ia tidak mengganggu keceriaan dan persekitaran kawasan rancangan. Segala urusan berkaitan dengan keceriaan ini adalah di bawah kawalan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Setiap rancangan dimestikan mempunyai kawasan pelupusan sampah yang teratur yang terletak di

luar kawasan perkampungan FELDA seperti mana yang diluluskan oleh Majlis Tempatan / Daerah bagi memudahkan sampah yang telah dikutip dan dibuang secara teratur. Di samping itu juga, setiap rumah peneroka digalakkan mempunyai sekurang-kurangnya satu lubang sampah supaya sampah tersebut dapat ditimbus.

Mulai September 2007, Program Keceriaan Kampung FELDA atau AKKF dilancarkan di semua 317 rancangan FELDA. Program ini adalah untuk menukar wajah perkampungan FELDA menjadi komuniti taman dan menjadikan warga peneroka komuniti contoh luar bandar. Pelaksanaan program ini termasuklah pengurusan kutipan sampah berjadual, pengurusan Majlis Tempatan FELDA dan pengindahan kawasan kampung secara berterusan. Program gotong-royong di kalangan ahli masyarakat turut diadakan sepanjang masa sebagai menyokong pelaksanaan dan keberkesanan program pelupusan sampah di tanah rancangan.

-----XXX-----

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI
TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci dari manakah sumber kewangan diperolehi bagi melaksanakan projek-projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah melancarkan beberapa koridor pertumbuhan sebagai salah satu pendekatan baru untuk mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang lebih seimbang antara wilayah dan negeri. Dalam hal ini, Wilayah Ekonomi Pantai Timur ataupun dengan izin, *East Coast Economic Region* (ECER) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 dan 30 Oktober 2007 lalu. Seperti mana koridor-koridor pembangunan yang lain, projek pembangunan Koridor Pantai Timur ini sebahagian

besarnya akan dilaksanakan oleh sektor swasta manakala Kerajaan pula akan membantu pelaksanaan pembangunan Koridor ini dengan menyediakan kemudahan prasarana dan infrastruktur sewajarnya bagi membantu perkembangan dan pertumbuhan koridor ini.

Berdasarkan maklumat seperti terkandung dalam Pelan Induk ECER berkenaan, anggaran kos keseluruhan yang diperlukan untuk membangunkan ECER bagi tempoh 15 tahun sehingga tahun 2020 ialah sebanyak RM112 bilion. Dalam hal ini, sumber kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek ECER ini adalah dari sumber awam iaitu Kerajaan, sektor swasta serta pembiayaan melalui inisiatif pembiayaan swasta atau dengan izin, *Private Finance Initiative* (PFI). Mengikut cadangan Pelan Induk ECER berkenaan, secara terperinci, daripada jumlah RM112 bilion ini, 34.6 peratus (RM38.7 bilion) akan dibiayai oleh sektor swasta, 26.3 peratus (RM29.5 bilion) melalui PFI dan bakinya 39.1 peratus (RM43.8 bilion) oleh Kerajaan. Sebahagian besar sumber pembiayaan Kerajaan ini adalah bagi penyediaan projek-projek infrastruktur dan sosial.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN NGEH KOO HAM (BERUAS) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keluarga miskin tegar di Malaysia dan berapa jumlah tersebut terdapat di Negeri Perak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perangkaan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang dijalankan setiap dua tahun iaitu tahun 2002, 2004 dan yang terkini tahun 2007, anggaran bilangan isi rumah yang berada dalam kategori miskin adalah semakin berkurang iaitu daripada 314,800 isi rumah pada tahun 2002 kepada 209,000 isi rumah pada tahun 2007. Anggaran terperinci mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Isi Rumah Miskin		
	2002	2004	2007
Johor	17,100	12,800	10,500
Kedah	40,700	27,300	12,800
Kelantan	50,600	30,000	21,300
Melaka	2,600	2,700	3,000
Negeri Sembilan	5,300	2,700	2,800
Pahang	23,500	12,100	5,500
Pulau Pinang	4,200	800	5,000
Perak	34,400	25,500	18,200
Perlis	3,500	3,100	3,600
Selangor	10,100	11,200	8,500
Terengganu	27,000	29,500	13,200
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2,100	4,900	5,200
Sabah	49,200	114,200	78,800
Sarawak	44,500	34,800	20,600
Malaysia	314,800	311,300	209,000

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggaran bilangan isi rumah yang berada di bawah kategori miskin tegar juga semakin berkurang daripada 53,700 isi rumah pada tahun 2002 kepada 38,400 isi rumah pada tahun 2007. Anggaran terperinci mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar		
	2002	2004	2007
Johor	900	1,700	1,300
Kedah	8,600	5,000	1,400
Kelantan	9,500	3,600	4,400
Melaka	60	300	400
Negeri Sembilan	400	400	100
Pahang	2,600	2,900	1,300

Pulau Pinang	280	-	200
Perak	5,400	5,700	3,500
Perlis	360	900	700
Selangor	2,200	400	1,200
Terengganu	3,900	8,300	1,700
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	500	500
Sabah	12,400	32,400	18,100
Sarawak	7,100	5,200	3,600
Malaysia	53,700	67,300	38,400

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan Y.B. daripada Beruas, anggaran bilangan isi rumah miskin tegar di Negeri Perak adalah berjumlah 3,500 isi rumah pada tahun 2007.

SOALAN NO: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENNA]

TARIKH : 6 MEI 2008

RUJUKAN : 837

Soalan :

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kes yang berkaitan Pilihan Raya Umum Ke 12 baru-baru ini sama ada sebelum dan semasa pilihan raya serta apakah hasil siasatan serta tindakan pendakwaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena yang mengemukakan soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak 24 Februari 2008 sehingga 9 Mac 2008, sebanyak 786 kes telah dilaporkan yang berkaitan dengan Pilihan raya Umum ke-12. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut :-

BIL	NEGERI	JUMLAH KES
1	Perlis	17
2	Kedah	41
3	Pulau Pinang	77
4	Perak	77
5	Selangor	79
6	Kuala Lumpur	56

BIL	NEGERI	JUMLAH KES
7	Negeri Sembilan	58
8	Melaka	13
9	Johor	70
10	Pahang	29
11	Terengganu	97
12	Kelantan	55
13	Sabah	70
14	Sarawak	47
Jumlah		786

Tuan Yang Dipertua,

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 527 kes telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 4 kes telah diarahkan untuk diambil tindakan pendakwaan di mahkamah. Baki sebanyak 259 kes masih dalam siasatan pihak polis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]
TARIKH : 6 MEI 2008
RUJUKAN : 957

SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan dengan mendalam hasil siasatan ekoran daripada pembatalan penggunaan tanda dakwat pada kuku semasa pilihan raya umum ke-12 yang lalu. Nyatakan pihak-pihak yang disyaki terlibat dan tindakan terhadap mereka yang dikatakan akan menimbulkan masalah keselamatan dan ketenteraman awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Marang bertarikh 7 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Marang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tiga kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 420/511, Kanun Keseksaan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia. Laporan polis dibuat oleh beberapa individu yang bimbang dengan penggunaan dakwat tersebut kerana mendakwa dakwat berkenaan kononnya boleh diperolehi secara mudah di negara Thailand. Mereka bimbang ada pihak-pihak yang berkepentingan akan menyalahgunakan dakwat tersebut di dalam pilihan raya umum ke-12 yang lalu.

Tuan Yang Dipertua,

Setelah laporan tersebut diteliti dan pihak polis telah menemu bual pengadu serta saksi-saksi, didapati tiada sebarang bukti menunjukkan dakwat tersebut dibawa dari negara Thailand. Ini

kerana tidak ada seorang saksi pun yang pernah melihat dakwat tersebut. Daripada keterangan saksi, tiada sebarang individu, sindiket atau pihak-pihak tertentu yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan ini. Keterangan pengadu dan saksi adalah merupakan khabar angin dan tiada sebarang individu yang dicam atau dikenali secara positif.

Tuan Yang Dipertua,

Kertas siasatan tersebut telah dirujuk ke kamar Timbalan Pendakwa Raya pada 14 Mac 2008 dan pada 21 Mac 2008, kes ini diklasifikasikan sebagai *no further action* (NFA) / kertas untuk simpanan (KUS).

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Mukhriz bin Tun Dr Mahatir
[Jerlun]**

TARIKH : 6 Mei 2008

**SOALAN : Dato' Mukhriz bin Tun Dr Mahatir
[Jerlun] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Bagaimana warga petani di kawasan pendalaman yang rata-ratanya dari warga emas dapat memanfaatkan dasar pemodenan industri pertanian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1999 mentakrifkan bahawa Tua merupakan golongan yang berumur melebihi 60 tahun. Banci Pertanian 2005 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa 17.65 peratus atau seramai 144,147 orang guna tenaga pertanian berumur 60 tahun dan ke atas dikategorikan sebagai warga emas atau tua.

Kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian pula menunjukkan bahawa kebanyakan warga tua masih lagi mengusahakan pertanian secara tradisional berbanding dengan golongan muda yang mampu menghasilkan pengeluaran pertanian yang berproduktiviti tinggi kerana berkeupayaan dan bersedia untuk menyerap dan menggunakan teknologi dan pemodenan.

Menyedari keadaan ini, Kerajaan dalam usaha memodenkan industri pertanian telah menumpukan kepada pendekatan 'Pertanian Baru' yang melibatkan pertanian secara komersial, penggunaan teknologi moden serta memanfaatkan ICT. Selaras dengan pendekatan tersebut, usaha-usaha untuk

mentransformasikan sektor pertanian sedang giat dilaksanakan melalui latihan dan khidmat pengembangan.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan itu, bagi memastikan petani termasuk golongan warga emas di pedalaman turut menerima dan memanfaatkan faedah usaha-usaha pemodenan pertanian, pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah melalui konsep koperasi, di mana setiap program/projek dan aktiviti-aktiviti ekonomi dikongsi dan dijalankan bersama ahli-ahli peladang. Ahli-ahli LPP akan mendapat khidmat nasihat teknikal dan latihan keusahawanan, pendapatan dan dividen atas modal syer, hadiah atau diskaun atas langganan serta saham bonus.

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini terdapat 288 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dengan ahli berjumlah mencapai 728,627 orang dan 87 Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan keahlian 70,548 orang. Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan Nelayan sentiasa berusaha

menjalankan program-program bagi memperbaiki taraf ekonomi dan sosial ahli-ahli mereka melalui latihan dan khidmat nasihat bagi meningkatkan kemahiran ahli-ahli dan seterusnya mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari dan bersatu padu. Sebagai contoh, beberapa projek yang berjaya memberi pulangan besar kepada ahli-ahlinya adalah seperti Projek PPK di Kuala Nerang, Kedah bagi tanaman padi dan jagung dengan bilangan peserta seramai 910 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah ganti rugi baru yang dicadangkan kepada ibu bapa bayi Lai Yok Shan serta apa langkah-langkah yang telah diambil untuk memberi jaminan kepada rakyat bahawa kes kecuaiian hospital kerajaan sebegitu tidak diulangi.

Tuan Yang di-Pertua,

Bayaran *ex-gratia* yang ditawarkan ialah RM 60,000 dan kerajaan bersetuju bahawa rawatan dan pemulihan lanjut yang diperlukan oleh bayi tersebut di masa hadapan akan diberikan oleh hospital Kerajaan secara percuma termasuk menanggung kos *prosthesis* untuk seumur hidup. Namun demikian, tawaran Kerajaan ini telah ditolak oleh bapa Lai Yok Shan.

Setelah bayaran *ex-gratia* Kementerian Kesihatan ditolak oleh ibu-bapa Lai Yok Shan, mereka telah melantik panel peguam di mana tindakan mahkamah telah dimulakan terhadap Kerajaan Malaysia bagi menuntut pampasan atas kes kecuaiian berkenaan. Memandangkan kes ini telah diakui kecuaiian oleh Kementerian Kesihatan melalui Menteri Kesihatan pada masa itu, Jabatan Peguam Negara tiada ruang lagi untuk membela kes ini. Walau bagaimanapun, usaha-usaha masih dilakukan untuk menyelesaikan kes ini di luar mahkamah tanpa pengakuan kepada liabiliti. Tindakan telah diambil oleh Jabatan Peguam Negara yang mencadangkan penyelesaian terhadap terma-terma yang serupa seperti cadangan *ex-gratia* oleh Kementerian Kesihatan namun tawaran tersebut telah sekali lagi ditolak. Pihak Jabatan Peguam Negara telah menulis sekali lagi kepada panel peguam yang telah dilantik oleh ibu-bapa Lai Yok Shan dan mencadangkan supaya pihak plaintif melakukan tawaran balas (*counter-offer*) namun sehingga kini, tidak terdapat sebarang maklumbalas daripada peguam plaintif. Sekiranya tiada sebarang kata sepakat dicapai berhubung terma-terma pampasan, perkara ini akan diputuskan oleh mahkamah untuk taksiran ganti rugi.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan kes kecuaiian di hospital-hospital Kerajaan tidak berulang adalah sebagaimana berikut:

- i. Atas arahan Kabinet pada tahun 2003, Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia telah dibentuk bagi merancang strategi-strategi bagi mengatasi masalah keselamatan pesakit iaitu:
 - a. keselamatan ubat-ubatan;
 - b. keselamatan transfusi darah;
 - c. keselamatan infeksi jangkitan kuman dalam hospital; dan
 - d. keselamatan perkhidmatan rawatan di kemudahan jagaan kesihatan.

- ii. Aktiviti-aktiviti khas yang sedang dilaksanakan ialah:
 - a. *Ventricular Associated Pneumonia Bundle – best practices*;
 - b. Pembedahan yang lebih selamat melalui komunikasi berkesan; dan
 - c. *Central Venous Line Care Bundle – best practices*.

- iii. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta pada tahun 2008 bagi melaksanakan projek-projek kawalan keselamatan pesakit.

- iv. Kementerian juga telah membentuk satu sistem pemantauan secara elektronik bagi membendung kejadian ini.

- v. Jawatankuasa Induk *Continuing Professional Development (CPD)* dengan kerjasama daripada universiti-universiti tempatan telah membentuk satu modul pembelajaran

keselamatan pesakit bagi melatih pegawai-pegawai perubatan, ahli farmasi dan jururawat.

- vi. Sekiranya berlaku sesuatu insiden, Kementerian akan membentuk satu jawatankuasa bebas bagi menyiasat punca kesilapan dan menentukan strategi bagi meningkatkan prestasi.
- vii. Sekiranya mana-mana anggota Kementerian didapati cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, mereka akan dihadapkan ke badan-badan profesional seperti Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Jururawat atau badan-badan induk pengamal lain supaya tindakan disiplin sehingga ke perlucutan pendaftaran akan diambil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

TARIKH: 6 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan di-Raja untuk menyiasat kepada penemuan ("findings") Independent Inquiry Committee into the United Nations Oil-for-Food Programme di mana membabitkan syarikat Tradeyear Sdn Bhd dan Mastek Sdn Bhd, syarikat yang berkait rapat dengan YAB Perdana Menteri. Sekiranya tidak, berikan alasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara ringkasnya, "The United Nations Oil-for-Food Programme" (dengan izin) telah dimulakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1995, yang bertujuan untuk membolehkan kerajaan Iraq menjual hasil minyaknya di pasaran antarabangsa bagi membeli keperluan asas rakyat seperti makanan dan perubatan. Rakyat Iraq pada masa itu berada di dalam keadaan amat tertekan disebabkan oleh sekatan ekonomi (atau "economic sanctions", dengan izin) yang bertujuan untuk melemahkan rejim ketenteraan Saddam Hussein selepas berlakunya Perang Teluk Pertama. Di bawah "Oil-for-Food Programme" (dengan izin) ini, kerajaan Iraq tidak dibenarkan membeli peralatan senjata sama sekali dari hasil penjualan minyaknya.

Namun, PBB mengakui bahawa terdapat beberapa kelemahan pada pelaksanaan "Oil-for-Food Programme" (dengan izin) ini. Justeru, pada bulan April 2004 sebuah Jawatankuasa Penyiasat Bebas, iaitu "Independent Inquiry Committee into the United Nations Oil-for-Food Programme" (dengan izin) telah ditubuhkan, yang diketuai oleh Paul Volcker, Mark Pieth dan Richard Goldstone. Pada bulan yang sama, Majlis Keselamatan PBB memutuskan agar 191 negara anggota bekerjasama dengan Jawatankuasa tersebut untuk menyiasat sebarang kelemahan atau salah laku pelaksanaan "Oil-for-Food Programme" (dengan izin) ini.

Laporan penuh "Independent Inquiry Committee into the United Nations Oil-for-Food Programme" (dengan izin) setebal 623 muka surat telah disiapkan pada 27 Oktober 2005.

Berbalik kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, pembabitan syarikat Tradeyear Sdn Bhd dan Mastek Sdn Bhd memang dinyatakan di dalam kandungan laporan tersebut. Namun, kenyataan bahawa syarikat-syarikat tersebut berkait rapat dengan YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah tidak tepat sama sekali.

Ini telah dijelaskan di dalam perenggan 3 muka surat 161 laporan penuh Jawatankuasa Penyiasat Bebas yang menyatakan bahawa pembabitan Faek Ahmad Shareef, salah seorang pemilik syarikat Mastek, adalah berdasarkan persepsi anggota kerajaan Iraq ke atas beliau, yang dilihat sebagai individu yang mungkin boleh membantu mengatasi sekatan ekonomi dengan mengeratkan hubungan antara negara Iraq dan Malaysia. Persepsi ini adalah disebabkan hubungan kekeluargaan Faek Ahmad Shareef dengan YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi melalui Noor Asiah Mahmood (iaitu, adik kepada Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood), yang mana Faek Ahmad Shareef dan Noor Asiah Mahmood pernah berkahwin. Selain itu, Faek Ahmad Shareef juga dilihat oleh kerajaan Iraq sebagai berkebolehan untuk membawa lebih ramai delegasi perdagangan dari Malaysia ke Iraq.

Justeru, Nota 324 yang terkandung dalam muka surat 161 dan 162 laporan penuh Jawatankuasa Penyiasat Bebas PBB menyatakan bahawa Jawatankuasa tidak menemui sebarang bukti yang menunjukkan YAB Dato'

Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menerima faedah atau ganjaran dalam apa jua bentuk dari urusan minyak yang diperuntukkan kepada Mastek. Nota 324 juga menjelaskan bahawa satu-satunya perhubungan YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan kerajaan Iraq pada ketika itu hanya merupakan surat bagi memperkenalkan delegasi perdagangan dari Malaysia kepada Taha Yassin Ramadan, Naib Presiden Republik Iraq (pada ketika itu).

Dengan penjelasan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasat Bebas PBB tersebut, tiada sebab untuk Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan di-Raja bagi menyiasat penemuan "Independent Inquiry Committee into the United Nations Oil-for-Food Programme" (dengan izin) tersebut. Malah, pada 8 Disember 2006, Jawatankuasa telah memberi notis (melalui keyataan media) bahawa ia akan menutup pejabat operasinya pada 31 Disember 2006, dan semua laporan Jawatankuasa akan ditempatkan di arkib PBB. Jawatankuasa juga menyatakan bahawa selepas tarikh 31 Disember 2006, sebarang permintaan atau pertanyaan dari mana-mana pihak berkuasa mengenai penyiasatan yang telah dijalankan olehnya hendaklah dibuat melalui Ketua Setiausaha Bahagian Hal-ehwal Undang-undang PBB di New York.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH: 6 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keutamaan perancangan YAB Perdana Menteri untuk terus mentadbir Kerajaan dalam suasana kemelut politik negara yang menekan beliau supaya bersara dan parti yang dipimpinya berada dalam keadaan darurat supaya prestasi ekonomi negara terus mantap dan meyakinkan pelabur-pelabur asing.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Adalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa suasana politik dalam negara adalah dalam keadaan aman dan damai dengan tiada sebarang kemelut atau kucar-kacir berlaku. Sekiranya ada, ia hanyalah dalam fikiran Ahli Yang Berhormat sahaja.

Saya juga ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat supaya tidak payahlah mempertikaikan kekukuhan UMNO. UMNO masih lagi kuat dan mantap dan adalah menjadi lumrah kepada mana-mana parti politik untuk mengalami proses pemulihan dan pembaharuan untuk menambahbaik keadaan dan kedudukannya. Begitu jugalah parti UMNO.

Kerajaan Barisan Nasional terus mendapat mandat dan hanya kurang 8 kerusi daripada mendapat 2/3 majoriti. Barisan Nasional akan sentiasa terus berkhidmat kepada rakyat untuk meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik dan bertanggungjawab untuk memastikan tiada golongan atau kaum yang terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Melalui pentadbiran yang cekap, berhemah dan beramanah, Kerajaan yakin ekonomi Negara akan terus kukuh dan dinamik. Dengan itu, persekitaran perniagaan dalam negara akan tetap kondusif dan menarik, termasuk bagi pelabur domestik dan asing. Pelabur asing masih berminat untuk melabur dalam Negara kerana ekonomi kita masih mantap dan dasar yang selama ini telah menarik mereka masih dikekalkan. Malah, Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi daya saing Negara di arena global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 6 MEI 2008
RUJUKAN : 838

Soalan:

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap
125 Cadangan Penambahbaikan Pasukan Polis seperti yang telah
dikemukakan oleh Suruhanjaya DiRaja. Adakah IPCMC akan
ditubuhkan untuk kepentingan rakyat. Jika tidak, kenapa.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji kesesuaian pelaksanaan 125 cadangan penambahbaikan seperti dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Pasukan Polis Diraja Malaysia dan setakat ini sebanyak 106 atau 85 peratus telah dan dalam pelaksanaan, manakala 19 atau 15 peratus masih dalam kajian terperinci

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Kerajaan telah memutuskan untuk menarik semula Rang Undang-Undang Suruhanjaya Aduan Khas 2007 (*Special Complaint Commission*) yang telah dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING
[KULAI]
TARIKH : 6 MEI 2008
RUJUKAN : 839

Soalan:

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah berkesan yang benar-benar dapat mencegah kegiatan jenayah yang telah menggugat keselamatan orang awam terutamanya di semua kawasan bandar yang mempunyai ramai pendatang asing, penganggur serta penjenayah tegar.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Y.B. dari Kulai, yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Y.B, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah pencegahan bagi masalah ini dengan meningkatkan rondaan bit, MPV dan motosikal; mewujudkan Balai / Pondok Polis baru dengan sewaan bangunan, kedai atau perumahan di kawasan yang mempunyai kekerapan berlakunya kejadian jenayah; maklumat melalui Rakan Cops "Sistem Pesanan Ringkas" (SMS) dan "Sistem Pesanan Multimedia (MMS); serta menambah kehadiran polis di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

PDRM juga mengadakan kerjasama yang erat dengan kerajaan tempatan dan lain-lain agensi kerajaan seperti JKKK / Daerah, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen; mengadakan kempen-kempen, ceramah dan pameran-pameran berkaitan senario jenayah; menggunakan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tertentu; mengadakan kerjasama dengan NGO dan *Malaysian*

Crime Prevention Foundation (MCPF) dan mengenakan tindakan undang-undang termasuk undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

No: 37

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN : Oleh DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan status terkini Program Perkampungan Tersusun Nelayan di Kota Belud yang dicadangkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah perancangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Kota Belud Sabah dicadang akan dijalankan di Kampung Bira-Biraan. Program ini pada asalnya akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dengan jumlah peruntukan dianggarkan sebanyak RM31

juta yang melibatkan sebanyak 300 unit rumah.

Program ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang tersusun dan pembangunan sosio-ekonomi penduduk melalui penyediaan kemudahan infrastruktur asas seperti surau, balai raya, tadika, jalan raya dan sebagainya untuk keselesaan nelayan dan keluarga mereka. Selain itu, pelbagai aktiviti berasaskan perikanan seperti penternakan ikan dalam kanvas dan industri berasaskan produk perikanan seperti pemprosesan keropok, pengeluaran ikan/udang, kelas ekonomi rumah tangga dan sebagainya akan diperkenalkan bagi meningkatkan tahap ekonomi penduduk yang terlibat.

Pemilihan peserta bagi program ini adalah berdasarkan kepada garis panduan kemiskinan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri iaitu keluarga yang tergolong dalam kategori miskin (pendapatan kurang daripada RM600) dan kategori miskin tegar (pendapatan kurang daripada RM300).

Walau bagaimanapun, program penempatan semula nelayan ini belum mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9. Oleh itu, LKIM bercadang untuk melaksanakan program ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)
TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)
SOALAN : Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

Langkah-langkah untuk menerapkan teknologi baru pertanian yang memandangkan penggunaan semakin luas untuk hasilnya.

JAWAPAN : Sains dan teknologi adalah pemangkin kepada kemajuan sektor pertanian. Revolusi Hijau merupakan satu fenomena melalui teknologi yang menggunakan racun perosak, projek-projek pengairan dan baja nitrogen sintetik serta penggunaan baka-baka elit baru yang dipanggil *high yielding varieties* (HYV) seperti jagung, padi dan gandum. Baka-baka tanaman ini matang dalam masa yang singkat juga cekal dalam situasi cuaca dan serangan musuh yang ekstrim.

Contohnya tanaman hasil daripada revolusi ini adalah beras varieti Japonica yang berkanji tinggi dengan hasilnya ialah 12.5 t/ha berbanding 3.5 t/ha yang dihasil varieti traditional tempatan.

Dalam sektor agro-makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui MARDI banyak menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Tumpuan penyelidikan MARDI adalah kepada tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, herba, tanaman industri, tanaman bunga-bunga dan landskap, serta baka dan makanan ternakan. Tumpuan turut diberikan dalam bidang-bidang bioteknologi, kepelbagaian biologi, ICT, kejenteraan dan automasi, pembangunan produk-produk tambah nilai, pengurusan sumber asli dan persekitaran, serta ekonomi dan pengurusan teknologi.

Di antara langkah-langkah yang diambil menerapkan penemuan teknologi baru kepada golongan sasaran yang dijalankan oleh MARDI meliputi bidang-bidang berikut

- i. Melalui Kumpulan Kerja Teknikal di bawah program *Training for Trainers* (TOT) bagi melatih pegawai-pegawai pengembangan TOT dari agensi-agensi berkaitan di bawah Kementerian untuk disampaikan kepada kumpulan sasaran peringkat akar umbi di setiap negeri dan daerah.
- ii. Khidmat sokongan teknikal melalui lawatan pakar ke tapak projek, kajian kemungkinan dan perbincangan dengan kumpulan sasaran yang memohon maklumat teknikal secara terus.
- iii. Pembangunan pengetahuan dan kemahiran golongan sasaran melalui penerbitan, pembentangan dalam seminar, latihan dan kursus teknikal serta pameran dan *showcase* yang dijalankan dari masa kesemasa.
- iv. Khidmat pembangunan usahawan yang difokuskan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) terutama dalam bidang industri asas tani yang melibatkan aspek peningkatan kapasiti pengeluaran, pemasaran produk,

- latihan *hands-on* dalam bidang-bidang
 - yang diceburi serta pensijilan kualiti.
- v. Khidmat pembangunan perniagaan yang dilaksanakan meliputi khidmat perundingan, inkubator teknologi, pelesenan teknologi, forum teknologi, kerjasama antara MARDI dengan usahawan dan pengurusan perniagaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)**

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN : 840

Y.B. Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pemegang kad pengenalan merah mengikut kategori yang ditakrifkan dan pecahan kaum, langkah-langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini dan syarat-syarat untuk pemegang yang lahir di Malaysia mendapatkan status warganegara yang sah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Rasah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kad pengenalan merah atau kad pengenalan bertaraf pemastautin tetap yang sekarang lebih dikenali sebagai MyPR dikeluarkan kepada orang-orang asing yang telah diluluskan Permit Masuk dan orang-orang yang dilahirkan di negara ini tetapi tidak mempunyai taraf kewarganegaraan mana-mana negara (*stateless*). Sehingga 31 Disember 2007 bilangan pemegang MyPR adalah seramai 371,252 orang. Pemegang MyPR yang menetap di negara ini berasal tidak kurang daripada 87 negara dan majoritinya berasal daripada negara Indonesia, Filipina, India, China, Thailand, Singapura, Kemboja dan Taiwan. Mereka telah dikeluarkan dengan kad pengenalan pemastautin tetap dan menetap di negara ini tanpa menghadapi sebarang masalah.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat berhubung syarat-syarat untuk mendapat status warganegara bagi orang-orang yang lahir di negara ini adalah tertakluk kepada

Peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- (i) Kelahiran sebelum Hari Merdeka layak memohon di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan. Syarat-syarat kelayakan yang diperlukan ialah lahir di Persekutuan dan telah berumur 18 tahun atau lebih, bermastautin di Persekutuan selama 7 tahun, berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan mudah dalam bahasa Melayu.

- (ii) Kelahiran selepas Hari Merdeka layak mengemukakan kelayakan di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan. Syarat-syarat yang diperlukan ialah berumur 21 tahun atau lebih, bermastautin di Persekutuan selama 12 tahun, kerajaan berpuas hati bahawa pemohon berniat untuk bermastautin tetap di negara ini, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN ; LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada wujudnya polisi Kementerian Kesihatan untuk bersikap tutup sebelah mata berkaitan taraf penginapan dan kemudahan asas yang dibekalkan untuk kaum pekerja asing oleh majikan mereka.

PR-1211-

L12549

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua

Adalah menjadi dasar kerajaan mewajibkan setiap majikan menyediakan kemudahan tempat tinggal yang bersesuaian kepada pekerja asing yang digajikan olehnya. Pegawai-Pegawai Kementerian Sumber Manusia semasa menjalankan pemeriksaan yang berjadual ke atas tempat-tempat pekerjaan akan juga memeriksa kemudahan perumahan dan kemudahan asas yang disediakan oleh majikan. Sekiranya kemudahan perumahan yang disediakan didapati tidak memuaskan majikan akan diarahkan untuk melakukan pembetulan yang sewajarnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN :

Puan Chua Soon Bui (Tawau) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada kekerapan berlakunya penyakit demam denggi dan kadar kematian pesakit denggi pada tahun 2007 meningkat berbanding dengan 2005 dan 2006. Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil Kementerian pada tahun ini dalam mencegah berlakunya penyakit denggi serta merawat pesakit-pesakit denggi.

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2007, jumlah kes demam denggi menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2006 dan 2005. Sejumlah 48,846 kes denggi telah dilaporkan pada tahun 2007 berbanding 38,556 kes pada tahun 2006 dan 39,686 kes pada tahun 2005. Untuk makluman, *trend* peningkatan yang sama juga berlaku di negara *ASEAN* lain seperti di Singapura yang meningkat sebanyak 182.3 peratus berbanding tahun 2006, Thailand sebanyak 48.4 peratus dan Kemboja sebanyak 140 peratus.

Walaupun bagaimanapun, secara keseluruhannya kadar kejadian kes di Malaysia pada tahun 2007 telah menunjukkan *trend* penurunan, di mana pada empat bulan terakhir, kadar kejadian kes denggi adalah sebanyak 800 kes/ minggu berbanding 4 bulan pertama 2007, iaitu 1,100 kes/ minggu. Dalam tempoh 3 bulan pertama pada tahun 2008, kadar kejadian kes terus menunjukkan penurunan kepada 770 kes/minggu dan diharapkan akan terus menurun sehingga mencapai 600 kes/minggu.

Pada tahun 2007, terdapat 98 kes kematian denggi daripada 48,846 kes yang dilaporkan dengan kadar kematian 0.20 peratus, berbanding pada tahun 2006 di mana kadar kematiannya adalah 0.19 peratus. Dimaklumkan bahawa kadar kematian yang berlaku di negara ini masih lagi rendah berbanding dengan kadar antarabangsa iaitu di antara 1 hingga 2 peratus dengan fasiliti rawatan yang baik. Usaha-usaha akan terus dilakukan untuk mengurangkan kadar kematian melalui pengurusan kes yang baik bagi mengurangkan komplikasi, mengurangkan kejadian denggi dan meningkatkan pengesanan awal kes.

Walaupun majoriti kejadian kes dikenalpasti berlaku di Lembah Kelang, *trend* peningkatan yang sama juga berlaku di seluruh negara. Pihak Kementerian menyedari situasi ini dan telah mengambil langkah proaktif pada tahun 2008 untuk mencegah peningkatan kes tersebut. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:

1. Membentuk Pelan Strategik Denggi Kebangsaan sebagai fokus dan matlamat jangka panjang dalam melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi yang

menyeluruh, bersepadu serta berkesan. Pelan strategik ini mengambil kira objektif serta sasaran yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan draf *Strategic Plan for Prevention and Control of Dengue in Asia-Pacific, 2007-2015* oleh *World Health Organization (WHO)*.

2. Menggunakan peruntukan berjumlah RM50 juta oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2006 dengan sebaiknya untuk memperkukuhkan program pencegahan dan kawalan demam denggi di seluruh negara. Sejumlah 318 orang pekerja sambilan telah diambil sementara menunggu pewujudan jawatan tetap pada tahun 2008. Peruntukan yang sama juga digunakan untuk membeli peralatan, kenderaan dan racun serangga untuk aktiviti kawalan vektor serta aktiviti promosi kesihatan.
3. Meningkatkan pemantauan serta penyelarasan aktiviti kawalan denggi melalui bilik gerakan denggi di semua Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Malaysia. Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan juga beroperasi setiap hari termasuk cuti umum.
4. Mendapatkan kerjasama dari ketua komuniti dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat setempat untuk membantu meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti kawalan dan pencegahan denggi seperti program *COMBI*.
5. Aktiviti pendidikan kesihatan terus giat dijalankan melalui semua saluran media untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit demam denggi serta peranan mereka untuk

sama-sama membasmi penyakit ini. Risalah dan bahan-bahan pendidikan mengenai demam denggi diedarkan ke semua lokasi terbabit untuk meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai bahaya demam denggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PEMATANG PAUH)
TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN (a):

YB. DATIN SERI DR. WAN AZIZAH (PEMATANG PAUH) Minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Kawasan-kawasan Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi POS dua ribu (2000) ke atas and komposisi mereka dalam pilihan raya ke-12 baru-baru ini.
- (b) Bilakah Kerajaan akan membenarkan pasukan keselamatan seperti polis dan tentera mengundi secara terbuka.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod data pemilih yang ada di Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), terdapat 35 daripada 222 bahagian pilihan raya Parlimen yang mempunyai pengundi pos melebihi daripada 2000 orang di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 baru-baru ini. Maklumat lanjut mengenai komposisi pengundi pos berkenaan mengikut satu-satu bahagian pilihan raya Parlimen adalah seperti berikut:

Bil.	Bahagian Pilihan Raya	Tentera	Polis	Luar Negara	Jumlah
1.	P.008 POKOK SENGA	2,566	551	8	3,125
2.	P.014 MERBOK	3,793	44	5	3,842
3.	P.020 PENGKALAN CHEPA	1,638	865	3	2,506
4.	P.026 KETEREH	3,426	30	1	3,457
5.	P.030 JELI	2,460	263	0	2,723
6.	P.042 TASEK GELUGOR	2,030	104	2	2,136
7.	P.054 GERIK	1,608	1,249	2	2,859
8.	P.060 TAIPING	3,176	512	10	3,698
9.	P.063 TAMBUN	0	2,950	5	2,955
10.	P.064 IPOH TIMOR	2,053	395	108	2,556
11.	P.065 IPOH BARAT	787	1,298	55	2,140
12.	P.072 TAPAH	603	1,397	17	2,017
13.	P.074 LUMUT	12,527	451	10	12,988
14.	P.082 INDERA MAHKOTA	1,284	1,435	5	2,724
15.	P.085 PEKAN	4,885	243	9	5,137
16.	P.088 TEMERLOH	1,863	385	1	2,249
17.	P.101 HULU LANGAT	0	3,258	13	3,271
18.	P.107 SUBANG	3,781	104	17	3,902
19.	P.115 BATU	2,562	614	19	3,195
20.	P.117 SEGAMBUT	57	4,344	96	4,497
21.	P.118 SETIAWANGSA	12,423	2,497	74	14,994

22.	P.120 BUKIT BINTANG	2,339	3,171	16	5,526
23.	P.124 BANDAR TUN RAZAK	4,249	63	36	4,348
24.	P.130 RASAH	1,549	570	10	2,129
25.	P.132 TELOK KEMANG	6,315	415	8	6,738
26.	P.133 TAMPIN	3,106	301	9	3,416
27.	P.136 TANGGA BATU	10,470	46	7	10,523
28.	P.152 KLUANG	4,905	233	13	5,151
29.	P.154 MERSING	1,837	266	0	2,103
30.	P.160 JOHOR BAHRU	1,351	868	22	2,241
31.	P.173 PUTATAN	3,252	17	4	3,273
32.	P.191 KALABAKAN	1,034	996	0	2,030
33.	P.196 STAMPIN	2,209	955	8	3,172
34.	P.197 KOTA SAMARAHAN	2,937	115	2	3,054
35.	P.212 SIBU	2,050	568	0	2,618

JAWAPAN (b):

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan masih berpendapat bahawa sistem pengundian pos yang sedia ada masih lagi relevan. Ini kerana melalui sistem pengundian pos tersebut ia memberi peluang kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dan pasangan masing-masing serta anggota-anggota polis dan pasangan Pasukan Gerak Am (PGA) untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing memilih wakil rakyat yang mereka sukai melalui proses pilihan raya yang bebas dan telus. Andainya sistem pengundian pos ini dihapuskan, ia boleh menjejaskan

keselamatan dan ketenteraman awam kerana anggota-anggota tentera tidak boleh melaksanakan tanggungjawab mereka menjaga keselamatan negara daripada ancaman musuh dan anggota-anggota polis tidak boleh melaksanakan tugas mereka menjaga ketenteraman awam kerana kedua-dua pihak tersebut terpaksa berada di pusat-pusat mengundi di merata-rata tempat untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing mengundi pada hari mengundi. Berasaskan kepada kepentingan menjaga keselamatan Negara dan memelihara ketenteraman awam itu, maka kerajaan akan terus mengekalkan sistem membenarkan anggota-anggota tentera dan pasangan serta anggota-anggota polis dan pasangan PGA mengundi secara pos. Namun begitu, kerajaan sedang mengkaji cara yang lebih efektif bagaimana untuk memantapkan lagi sistem pengundian pos tersebut.

SOALAN NO. 43**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM
KAWASAN : MUAR
TARIKH : 6.5.2008 (SELASA)
SOALAN:

Y.B. TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM (MUAR) minta KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menjayakan semula industri automotif nasional terutama **PROTON** di mana daya saing syarikat tersebut semakin lemah dengan kekurangan model-model baru, kemerosotan nisbah pasaran (*market share*) dan berikutan nisbah panggilan model Savvy ditarik semula disebabkan komponen bermasalah.

Jawapan

Tuan Yang DIPertua,

Penjualan kereta nasional pada tahun 2007 meningkat sebanyak 4.9 peratus ke 284,177 unit berbanding dengan 271,028 unit pada tahun 2006, manakala jualan bagi kereta bukan nasional pada 2007 mengalami penurunan sebanyak 19 peratus ke 158,708 unit berbanding dengan 195,821 unit pada 2006.

PROTON sedang melaksanakan pelan strategik perniagaan yang akan membantu syarikat tersebut meningkatkan daya saing dan pasarannya. Ini dapat dilihat menerusi pengenalan model-model baru mulal pertengahan tahun 2007 seperti PROTON PERSONA dan PROTON SAGA. Permintaan pasaran ke atas model-model kenderaan baru ini dapat dilihat daripada segi pesanan tempahan yang diterima oleh PROTON. Bagi 3 bulan pertama tahun 2008, model baru SAGA yang dilancarkan pada Januari 2008 telah menerima tempahan sebanyak 44,027 unit, manakala model PERSONA menerima sebanyak 9,511 unit tempahan.

Pihak PROTON juga sedang glat memperluaskan eksportnya ke luar Negara. Pada tahun 2007, PROTON telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan PA group di Thailand sebagai pengedar utama kereta PROTON di Negara itu dan perjanjian usahasama dengan Youngman Automobile Company di China untuk memasarkan model PROTON GEN-2 yang dijenama semula serta mengeluarkan dua prototaip untuk syarikat tersebut.

Tuan Yang DIPertua,

Dasar Automotif Nasional dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga menggariskan usaha-usaha Kerajaan di dalam membantu meningkatkan daya saing industri automotif negara. Kerajaan memupuk pembangunan industri pengeluar dan pemasang kenderaan menerusi pemberian insentif dan geran seperti Dana Pelarasan Industri, Geran Pembangunan Pasaran dan Geran Pembangunan Jenama. Skim Pinjaman Mudah Pembangunan Automotif menyediakan pinjaman mudah kepada pengeluar komponen automotif bagi tujuan konsolidasi, pembelian peralatan

dan perkakasan, peningkatan produktiviti dan program galakan eksport.

Kerajaan juga menggalakkan usahasama dengan rakan strategik seperti Malaysia-Japan Automotive Cooperation Programme dibawah Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement dimana pakar-pakar teknikal negara Jepun datang ke Malaysia untuk memberikan latihan teknikal dan berkongsi kepakaran dengan syarikat-syarikat pengeluar komponen automotif negara. Di samping itu, pengeluar-pengeluar komponen automotif tempatan juga menghadiri program latihan di syarikat-syarikat pengeluar automotif di Jepun dalam usaha meningkatkan kualiti komponen tempatan.

Tindakan PROTON memanggil semula model kenderaan Savvi mencerminkan PROTON sebagai sebuah syarikat automotif bertanggungjawab dan yakin ke atas keupayaannya untuk mengekalkan kepercayaan pembeli kepada syarikat terbabit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU]

TARIKH: 6 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) apakah fungsi Penasihat Agama & Penasihat Wanita, apa perbezaan fungsi mereka dengan menteri-menteri berkaitan; dan
- b) berapakah gaji/elaun & emolumen mereka, berapakah staf/kakitangan sokongan mereka dan berapakah kos bulanan (gaji/elaun dll) bagi khidmat sokongan untuk mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

a) Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk menasihatkan YAB Perdana Menteri mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Agama Islam yang memerlukan perhatian dan maklumbalas YAB Perdana Menteri.

Penasihat Khas Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat kepada YAB Perdana Menteri berkaitan isu-isu pembangunan wanita dan sosial.

Daripada segi perbezaan fungsi mereka dengan Menteri-menteri berkaitan, Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri dan Penasihat Khas Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri bertanggungjawab kepada YAB Perdana Menteri manakala Menteri bertanggungjawab kepada Kabinet. Fungsi utama Penasihat adalah memberikan nasihat berkaitan bidang tugas yang ditetapkan kepada YAB Perdana Menteri berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka manakala Menteri bertindak mengetuai Kementerian masing-masing yang berperanan menggubal dasar-dasar berkaitan serta memastikan program serta aktiviti yang dirancang dapat berjalan dengan baik serta menepati objektif yang disasarkan.

b) Gaji termasuk elaun bagi Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri adalah RM27,163 sebulan manakala Gaji termasuk elaun bagi Penasihat Khas Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial adalah RM33,727.20 sebulan. Jumlah jawatan staf/kakitangan sokongan yang diperuntukkan bagi Penasihat Agama Islam dan Penasihat Khas Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial adalah masing-masing enam (6) orang di pelbagai gred. Kos semasa gaji termasuk elaun staf/kakitangan sokongan bagi Pejabat Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri adalah RM18,643.25 sebulan manakala bagi Pejabat Penasihat Khas Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial, pewujudan jawatan staf/kakitangan sokongan masih di dalam proses mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pada masa ini, Penasihat Khas Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial dibantu oleh pegawai dan kakitangan sokongan dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, Terima kasih

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE
(TENGGARA]

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN :

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA] MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN -

- a) APAKAH LANGKAH PENYELESAIAN YANG BAKAL DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN AGAR PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG ANTARA KOMPLEKS KIK JOHOR BAHRU DAN TAMBAK JOHOR DAPAT DILAKUKAN. ADAKAH JALAN PENGHUBUNG INI BERSIFAT KEKAL ATAU ADAKAH IANYA MENGAMBIL KIRA KEMUNGKINAN PEMBINAAN JAMBATAN PADA MASA HADAPAN; DAN
- b) BILAKAH KOMPLEKS KASTAM IMIGRESEN DAN KUARANTIN JOHOR BAHRU DAPAT DIGUNAKAN OLEH RAKYAT SECARA SEPENUHNYA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

A) UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KERAJAAN TELAH MERANCANG PERLAKSANAAN PROJEK MEMBINA *MEDIUM TERM LINK* (MTL) SEBAGAI JALAN PENGHUBUNG ANTARA KOMPLEKS KASTAM, IMIGRESEN DAN KUARANTIN JOHOR BARU DAN TAMBAK JOHOR. REKA BENTUK *MEDIUM TERM LINK* (MTL) INI TELAH MENGAMBIL KIRA KEMUNGKINAN PEMBINAAN JAMBATAN KE SINGAPURA PADA MASA HADAPAN.

B) BAGI MEMBOLEHKAN KOMPLEKS KASTAM, IMIGRESEN DAN KUARANTIN JOHOR BARU BEROPERASI SEPENUHNYA, SEBUAH JALAN PENGHUBUNG SEMENTARA (*SHORT TERM ACCESS*) MELALUI JAMBATAN TANJUNG PUTERI SEDANG DIBINA. PADA MASA KINI, PEMBINAANNYA TELAH HAMPIR SIAP 84% DAN DIJANGKA DAPAT DIBUKA UNTUK KEGUNAAN UMUM PADA BULAN JUN 2008.

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) apakah Badan Pencegah Rasuah (BPR) maklum bahawa ada pelbagai projek di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah yang dilaksanakan, dimana pelantikan kontraktor pelaksanaanya dibuat tanpa mengikut prosedur yang ada ; dan
- b) jika maklum, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak BPR.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Badan Pencegah Rasuah (BPR) ada menerima 2 maklumat berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Kalabakan dan telah menjalankan siasatan. Satu kes masih dalam tindakan BPR manakala satu kes lagi telah selesai dijalankan dan pihak Timbalan Pendakwa Raya memperakukan tiada bukti kesalahan dilakukan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: ~~87~~ 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN
KALBI

[SILAM]

TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
BAGAIMANA STATUS, CADANGAN DAN BERAPA
JUMLAH PERUNTUKAN UNTUK JALAN RAYA

"DUAL CARRIAGE" ATAU JALAN DUA HALA
LAHAD DATU – TAWAU, LAHAD DATU –
SANDAKAN.

JAWAPAN : -

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH MEMOHON
KEPADA UNIT PERANCANGAN EKONOMI,
JABATAN PERDANA MENTERI (UEP) UNTUK
MEMASUKKAN PROJEK NAIKTARAF JALAN
DUA HALA DI BANDAR LAHAD DATU IAITU
JALAN LAHAD DATU-TAWAU DAN JALAN
LAHAD DATU-SANDAKAN DALAM KAJIAN
SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA
KE SEMBILAN SEPERTI YANG DIPOHON OLEH
KERAJAAN NEGERI SABAH. ANGGARAN KOS
UNTUK MENAIKTARAF JALAN SEDIA ADA
SEPANJANG 14.1KM KEPADA JALAN DUA
HALA ADALAH SEBANYAK RM95 JUTA.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH: 6 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana beliau akan memastikan semua pelantikan jawatan tinggi kehakiman termasuk Ketua Hakim Negara bermula sekarang akan dijalankan di bawah satu proses telus dan amanah berdasarkan meritokrasi untuk memulihkan keyakinan terhadap kebebasan, integriti dan kualiti kehakiman.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pada 17 April 2008 Kerajaan telah mengumumkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang merupakan suatu Suruhanjaya bebas yang berfungsi sebagai badan yang memperakukan nama-nama calon hakim yang berkelayakan berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan oleh SPK kelak.

Dalam menjalankan fungsinya, dicadangkan SPK mengambil kira kelayakan calon yang merangkumi; kelayakan pelantikan hakim di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, kebolehan dan kompetensi dalam bidang perundangan, pengalaman yang sesuai, kekuatan sifat seperti ketekunan, kejujuran intelektual, kebebasan, adil, berintegriti dan mempunyai perwatakan moral yang teguh.

Dalam konteks ini, SPK dikehendaki membuat perakuan berhubung dengan pelantikan hakim ke arah mewujudkan Sistem Keadilan Negara yang menggambarkan status sosial dan bangsa Malaysia yang pelbagai. Penubuhan SPK merupakan suatu usaha bersungguh-sungguh daripada pihak Kerajaan bagi mewujudkan sistem pelantikan kehakiman yang telus dan berintegriti.

Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Badan Peguam Malaysia bagi memastikan fungsi, struktur, keanggotaan SPK dan tatacara SPK adalah selari dengan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan suatu badan yang memperakukan nama calon bagi pelantikan hakim yang berwibawa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 06.05.2008

Soalan:

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah wang Ehsan yang telah diberikan kepada Kerajaan Terengganu sejak tahun 2004.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah wang ehsan atau Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang telah diluluskan untuk manfaat negeri Terengganu sejak tahun 2000 adalah sebanyak RM13.1 bilion. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM5.3 bilion telah disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu manakala baki sebanyak RM7.8 bilion diluluskan kepada agensi dan Kementerian untuk pelaksanaan program dan projek yang diperakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH
(GUA MUSANG)
TARIKH : 6.5.2008

SOALAN:

Y.B. Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH (GUA MUSANG) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah objektif dasar PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dan Bahasa Inggeris). Adakah bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan Sains dan Matematik atau meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris. Apakah kesan mutu pendidikan Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris melalui dasar PPSMI.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya amat bergantung kepada dapatan kajian dan penyelidikan. Antaranya adalah untuk menilai tahap pelaksanaan, keberkesanan serta untuk terus memantapkan pelaksanaan dasar ini di sekolah. Oleh itu kajian dan penyelidikan menjadi satu agenda penting dalam pelaksanaan PPSMI.

Pada masa ini beberapa bentuk kajian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI dijalankan sejak dasar ini mula dilaksanakan pada 2003. Di samping inisiatif ini, KPM juga membuka ruang dan menggalakkan pelbagai pihak termasuk penyelidik di Pusat Pengajian Tinggi Awam menjalankan kajian dan penyelidikan. Dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian tersebut dapat

dijadikan rujukan dan berfaedah kepada semua pihak khususnya dalam menentukan dasar pelaksanaan PPSMI dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Senarai kajian-kajian dan pemantauan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kajian Pelaksanaan PPSMI
- ii. Kajian Tahap Pencapaian Murid
- iii. Kajian Kes Penggunaan Bahasa Inggeris dan penggunaan ICT
- iv. Meta Analisis Kajian PPSMI
- v. Pemantauan Kolaboratif PPSMI
- vi. Pemantauan Berkelompok PPSMI
- vii. Analisis Ujian Diagnostik
- viii. Penilaian Tahap Profisiensi Bahasa Inggeris Guru

Perkembangan persekitaran ekonomi dunia membawa negara kita berdepan dengan cabaran baru. Keadaan ini memaksa agenda pembangunan tenaga manusia turut berubah mengikut keperluan negara. Tenaga manusia yang dilahirkan melalui sistem persekolahan harus mempunyai sifat pekerja berilmu yang kreatif dan kritis. Mereka harus berfikiran terbuka, ingin menguasai kemahiran dan ilmu baru.

Langkah tidak mengajar dalam bahasa Malaysia tidak bermakna bahasa ibunda diketepikan. Sememangnya kita perlu terus memartabatkan bahasa Malaysia. Pada masa yang sama kita tidak boleh selesa dengan menguasai satu bahasa sahaja, atau merasa terjamin dengan pengetahuan daripada buku teks semata-mata. Sebaliknya daya saing dan keupayaan rakyat negara ini akan meningkat sekiranya menguasai lebih banyak bahasa. Atas dasar ini juga, KPM memperkenalkan beberapa bahasa di peringkat sekolah agar negara dapat melahirkan murid yang menguasai lebih banyak bahasa, seterusnya potensi untuk menerokai ilmu yang lebih luas.

NO SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan usaha Kerajaan dalam membendung rasuah memandangkan kedudukan negara dalam International Transparency Index semakin menjunam ke tangga ke-36 berbanding dengan kedudukan negara jiran Singapura yang menduduki tangga ke-6.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Usaha Kerajaan pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri dalam menangani jenayah rasuah di negara ini telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh Kerajaan amnya dan BPR khususnya. Perbandingan statistik tangkapan, tuduhan dan Laporan BPR (Tatatertib) di antara tempoh 2000-2003 dengan tahun 2004-2007 jelas membuktikan komitmen Kerajaan dalam usaha menangani jenayah tersebut.

Tahun	2000-2003	2004-2007	Peningkatan
Tangkapan	1,378	2,119	741 (53.7%)
Tuduhan	650	859	209 (32.2%)
Laporan BPR	533	841	308 (57.8%)

Di samping itu juga, kadar sabitan kes-kes rasuah di mahkamah telah berjaya ditingkatkan dari 52% dalam tahun 2003 ke 78% dalam tahun 2007.

Keutamaan Kerajaan untuk membanteras rasuah bukan semata-mata didorong atau disebabkan oleh mana-mana indeks yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Tetapi, tekad dan komitmen kerajaan ini lahir dari hasrat untuk membina masyarakat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kerajaan akan terus berusaha tanpa jemu supaya persepsi dalam membanteras jenayah rasuah ini diperbaiki dari semasa ke semasa dan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang diumumkan baru-baru ini merupakan sebahagian dari usaha tersebut. Saya harap selepas ini tidak ada pihak lagi yang akan mempertikaikan kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan untuk membasmi dan menentang amalan rasuah. Retorik semata-mata tidak akan membawa apa-apa makna ibarat "tong kosong" bahkan akan membawa lebih mudarat berbanding manfaat. Semua pihak mempunyai peranan masing-masing dan peranan itu perlu dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan kecintaan kepada negara tanpa mengira bangsa, agama atau fahaman politik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)
TARIKH : 06.05.2008 (SELASA)
SOALAN : 52

TUAN CHUA TEE YONG (LABIS) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan kawalan harga ke atas barang-barang dan makanan keperluan sebagai satu strategi bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan barang-barang dan makanan keperluan yang dihadapi oleh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan mengekalkan kawalan harga ke atas beberapa barang-barang makanan keperluan yang dikawal harga. Bagi masalah kekurangan bekalan, Kerajaan telah merangka beberapa strategi dan pada masa ini Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi. Mesyuarat Jawatankuasa ini telah mengkaji, membincang dan mengenalpasti langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan. Antara langkah yang dikenalpasti adalah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan program Buku Hijau. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM4 bilion di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan. ...

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]
TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keluaran kasar ekonomi (*economic output*) di antara negeri di Utara dan negeri di Selatan Semenanjung Malaysia. Sila nyatakan jenis aktiviti ekonomi yang berlaku dan perancangan Kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara negeri Utara dan Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar untuk seluruh negara bernilai RM504.4 bilion pada tahun 2007 berbanding dengan RM356.4 bilion pada tahun 2000, meningkat 6.0% setahun dalam tempoh 2001-2007. Dari segi pertumbuhan, Wilayah Utara yang terdiri daripada negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang mencatat kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.9% setahun bagi tempoh 2001-2007 dan

menyumbang RM97.8 bilion atau 19.4% kepada jumlah KDNK nasional. Daripada jumlah tersebut, Pulau Pinang menyumbang 40.5% kepada ekonomi Wilayah Utara, diikuti oleh Perak 37.9%, Kedah 19.3% dan Perlis sebanyak 2.4%. Pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang, Perak, serta Kedah diterajui oleh sektor perkhidmatan manakala Perlis pula diterajui oleh sektor pertanian.

Dalam tempoh 2001-2007, ekonomi Wilayah Selatan iaitu negeri Johor berkembang 6.5% setahun, menyumbang RM58.2 bilion atau 11.5% kepada KDNK nasional. Sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi di wilayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar masih terdapat ketidakseimbangan pembangunan antara Wilayah Utara dan Selatan. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi merapatkan jurang pembangunan tersebut, antaranya:

- i. Pembangunan Iskandar Malaysia di Johor dan koridor pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) merupakan antara langkah proaktif Kerajaan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah tersebut. Iskandar Malaysia memberi tumpuan kepada pembangunan industri kreatif, perkhidmatan kewangan, pendidikan dan kesihatan, perkhidmatan elektrik dan elektronik serta perkhidmatan logistik. Manakala di Wilayah

Ekonomi Koridor Utara, sektor pertanian moden, industri berasaskan makanan, pelancongan, logistik dan pendidikan dijangka menjadi nadi pembangunan di wilayah tersebut.

- ii. Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM23.8 bilion di bawah RMKe-9 bagi melaksanakan projek pembangunan di Wilayah Utara bagi merangsang aktiviti ekonomi dan pembangunan. Projek utama ini termasuk pembinaan Trans-Eastern Kedah Hinterland Highway di Kedah dan Jambatan Kedua Pulau Pinang di Pulau Pinang, pembinaan terminal makanan di Ipoh, Perak serta hab halal bersepadu di Perlis.
- iii. Bagi pembangunan di Wilayah Selatan iaitu negeri Johor, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10.2 bilion dalam RMKe-9. Antara projek pembangunan utama yang dilaksanakan adalah Iskandar Malaysia yang memberi tumpuan kepada pembangunan hab logistik bersepadu merangkumi 2 pelabuhan antarabangsa dan sebuah lapangan terbang antarabangsa.
- iv. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada program pendidikan dan latihan, khususnya di kawasan luar bandar dan negeri kurang maju. Ini termasuk pemberian biasiswa kepada pelajar miskin terutamanya di kawasan luar bandar serta subsidi dan bantuan kepada para petani.
- v. Kerajaan juga akan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif dan insentif bagi menarik pelaburan dalam sektor pembuatan,

perkhidmatan dan juga pertanian di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Dengan langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan, ketidakseimbangan antara wilayah, khususnya Wilayah Utara dan Selatan akan dapat ditangani dalam tempoh jangka sederhana dan panjang.

SOALAN NO: 68(54)

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 06.05.2008

SOALAN : TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (Pontian)

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka semula rancangan FELDA dalam saiz tanah lebih kecil contohnya lima ekar dengan:-

- a) Mempunyai konsep pertanian bersepadu seperti kombinasi tanaman sawit, penternakan lembu dan IKS; dan
- b) Menumpukan pengambilan peneroka kepada mereka yang tergolong dalam kelompok miskin tegar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mengambil keputusan tidak lagi mengambil peneroka baru di tanah rancangan mulai 1 Januari 1990. Keputusan tidak memasukkan peneroka antaranya adalah untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan masalah kekurangan tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terpaksa menyediakan sejumlah peruntukan yang besar untuk mewujudkan sebuah penempatan baru dan menyediakan banyak kemudahan asas seperti jalan raya, sekolah, klinik, kemudahan awam dan sebagainya. Di samping itu tanah-tanah baru yang sesuai untuk dibangunkan semakin terhad dan berkurangan.

Pada tahun 2006, Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk mengkaji semula dasar pengambilan peneroka ini tertakluk persetujuan Kerajaan Negeri menawarkan tanah untuk pembangunan. Keputusan ini diambil sebagai salah satu usaha mengatasi isu kemiskinan yang

masih terdapat di beberapa negeri. Pembukaan tanah baru ini perlu mendapat persetujuan Kerajaan Negeri dalam meluluskan tanah-tanah baru untuk dibangunkan oleh FELDA. Sebagai mengatasi kos penempatan dan infrastruktur yang besar, Kerajaan menCadangkan supaya model pembangunan tanah yang baru adalah berdasarkan pembangunan ladang tanpa penempatan.

Saranan Ahli Yang Berhormat membuka semula rancangan FELDA dalam saiz yang lebih kecil berdasarkan konsep pertanian bersepadu dan menumpukan kepada golongan miskin adalah baik. Sehubungan itu, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri memberi pertimbangan menawarkan tanah baru kepada Kerajaan Pusat di samping mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk miskin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA: TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.05.2008

SOALAN NO: 02

Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia dan Dolar Amerika Syarikat masa kini dan kesan pertukaran ke atas nilai barangan Malaysia dan import seperti kenaikan harga beras, gandum dan lain-lain.

DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH (JASIN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.05.2008 SOALAN NO: 55

Datuk Wira Ahmad Bin Hamzah (Jasin) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan nilai ringgit stabil supaya eksport negara mampu bersaing dengan negara-negara jiran.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang bersama

pertanyaan Ahli Yang Berhormat Jasin yang dijadualkan dijawab pada hari ini, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Objektif dasar pertukaran asing Malaysia bukanlah untuk mengurus kadar pertukaran asing berbanding dengan mana-mana mata wang asing, termasuk dolar Amerika Syarikat. Objektif kita ialah untuk mengekalkan kestabilan nilai Ringgit berbanding dengan sekumpulan mata wang asing rakan dagangan yang utama. Dalam konteks ini, sungguhpun Ringgit telah menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, nilai Ringgit secara relatif adalah stabil berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan kita yang utama. Sebagai contoh, sejak akhir tahun 2007 sehingga akhir April 2008, Ringgit telah meningkat 4.7% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, tetapi mata wang Yuán China juga telah meningkat 4.4%, dolar Singapura 6.2%, dolar Taiwan 6.4%, Yen 7.6% dan Euro 6.6%.

Penambahan nilai Ringgit dan mata wang lain berbanding dengan dolar Amerika Syarikat adalah disebabkan oleh penyusutan nilai dolar Amerika Syarikat yang ketara berikutan kebimbangan mengenai ekonomi dan sistem kewangan Amerika Syarikat. Dan dalam usaha untuk mengatasi krisis kewangannya, Amerika Syarikat baru-baru ini telah mengambil beberapa langkah yang hampir serupa dengan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia ketika negara

menghadapi krisis kewangan pada tahun 1997 / 1998. Pada masa itu, banyak pihak termasuk di Amerika Syarikat dan IMF telah mengkritik Malaysia, tetapi kini mereka menggunakan langkah-langkah yang serupa dengan apa yang mereka kritik hebat 10 tahun dahulu. Apa yang pernah disebut sebagai "unorthodox measures" oleh mereka kini telah berubah bagi mereka menjadi "conventional wisdom". Rakyat Malaysia bolehlah berbangga kerana Amerika Syarikat telah belajar dari Malaysia tentang cara-cara yang efektif untuk mengatasi krisis kewangan.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa semasa krisis 1997-98, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang tidak meminta bantuan daripada IMF atau lain-lain pihak untuk memulihkan ekonomi. Negara-negara lain yang menghadapi krisis yang sama terpaksa meminta bantuan dari IMF dan World Bank. Kita yakin dengan keupayaan diri kita sendiri untuk memulihkan ekonomi mengikut cara kita sendiri.

Apakah peranan kadar pertukaran Ringgit dalam bidang eksport dan import Malaysia? Dalam menilai pertumbuhan eksport dan peranan kadar pertukaran asing, berdasarkan kebanyakan kajian, kepentingan faktor permintaan luaran jauh mengatasi faktor kadar pertukaran asing dalam menentukan prestasi eksport. Sebagai contoh, pada tahun 2007, penambahan nilai Ringgit adalah 6.8%, tetapi eksport Malaysia

terus meningkat. Ini menunjukkan bahawa faktor kadar pertukaran asing bukanlah faktor penghalang dalam pencapaian prestasi eksport.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Persekitaran global telah berubah. Pergantungan terhadap kadar pertukaran asing bagi meraih daya saing harga, tidak akan melindungi eksport Malaysia daripada tekanan saingan daripada pusat pengeluaran berkos rendah seperti China, India, Vietnam dan juga Eropah Timur. Para pengeksport Malaysia, sebaliknya perlu menumpukan kepada usaha membina daya saing jangka panjang dalam pasaran antarabangsa melalui langkah-langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan, peningkatan produktiviti, inovasi, penggunaan strategi pemasaran yang bersesuaian dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan.

Daripada segi import, penambahan nilai Ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat sebanyak 20.3% sejak pemansuhan tambatan Ringgit pada 21 Julai 2005 sehingga akhir April 2008, sedikit sebanyak telah mengurangkan "imported inflation." Walau bagaimanapun, peningkatan harga komoditi adalah sangat ketara disebabkan faktor-faktor struktur dan kitaran. Menurut IMF, indeks harga bagi semua komoditi telah meningkat sebanyak 189%, makanan sebanyak 94%, dan tenaga sebanyak 260% dalam tempoh Disember

2002 hingga Mac 2008. Dengan itu, penambahan nilai Ringgit tidak akan dapat mengurangkan dengan ketara kesan kenaikan harga komoditi yang begitu besar.

Dalam jangka masa panjang, kadar pertukaran Ringgit akan ditentukan oleh asas ekonomi dan keadaan pasaran. Walau bagaimana pun, dalam konteks jangka masa pendek, Kerajaan akan terus memastikan keadaan pasaran pertukaran asing kekal "orderly" dan stabil.

NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]**
TARIKH : **6 MEI 2008**
SOALAN : **7456**

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) berapa banyakkah permohonan dari kalangan **Bumiputera bukan Melayu** (menurut Kaum) yang ditolak bagi menganggotai pasukan Polis, Tentera dan Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tempoh 2005-2007; dan
- (b) sebab-sebab permohonan mereka ditolak dan langkah-langkah yang diambil untuk merangsang mereka untuk menyertai pasukan polis dan tentera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,
(soalan berkaitan SPA hanya untuk bahagian (a) sahaja)

Dalam melaksanakan urusan pengambilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) tidak menggunakan faktor kaum dalam proses penapisan permohonan untuk dipanggil temu duga. Pemilihan seseorang calon semasa temu duga serta kesesuaian calon bagi sesuatu jawatan dilaksanakan secara telus dan saksama dan mengikut kriteria yang ditetapkan. SPA tidak menolak permohonan seseorang calon untuk menjawat jawatan di dalam perkhidmatan awam, sekiranya tidak melepasi tapisan atau kriteria yang telah ditetapkan calon tidak dipanggil temu duga.

Statistik pengambilan mengikut kaum bagi urusan di bawah bidang kuasa SPA bagi tahun 2005-2007 adalah seperti berikut:

STATISTIK BAGI URUSAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2007

BN	KAUM	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TIDAK LANTIK	LANTIK
1	MELAYU	631,264	158,641	119,152	87,645	31,507
2	CINA	12,872	4,207	2,849	1,526	1,323
3	INDIA	18,553	4,332	3,235	2,053	1,182
4	BAJAU	12,814	2,193	1,695	1,233	462
5	BALANGINGI	2	-	-	-	-
6	BEKETAN	1	-	-	-	-
7	BIDAYUH	8,993	2,303	1,877	1,379	498
8	BISAYA	2,275	441	351	265	86
9	BUGIS	1	-	-	-	-
10	BULONGAN	3	1	1	-	1
11	BUTON	1	-	-	-	-
12	DUSUN	17,565	3,844	2,874	2,185	689
13	IBAN	18,892	4,152	3,160	2,331	829
14	IRANUN	875	149	114	82	32
15	KADAZAN	9,108	2,222	1,678	1,243	435
16	KUIJAU	1	-	-	-	-
17	LOTOD	2	-	-	-	-
18	MELANAU	6,590	1,699	1,321	904	417
19	MURUT	2,379	385	315	221	94
20	ORANG ASLI SMG.	1,031	357	277	153	124
21	ORANG ULU	2,528	568	417	310	107
22	RUNGUS	2,261	392	309	232	77
23	SULUK	1,802	381	289	231	58
24	LAIN-LAIN	11,027	2,533	1,871	1,419	452
	JUMLAH	760,840	188,800	141,785	103,412	38,373

STATISTIK BAGI URUSAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2006

BIL	KAUM	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TIDAK LANTIK	LANTIK
1	MELAYU	535,766	111,586	86,349	63,731	22,618
2	CINA	11,988	3,728	2,723	1,678	1,045
3	INDIA	16,801	3,428	2,738	1,588	1,150
4	BUGIS	1	-	-	-	-
5	BULONGAN	1	-	-	-	-
6	KADAZAN	8,919	2,015	1,638	1,247	391
7	DUSUN	16,113	3,443	2,831	2,193	638
8	MURUT	2,212	337	274	212	62
9	SERUDUNG	1	1	1	1	0
10	RUNGUS	2,164	409	345	271	74
11	BISAYA	2,036	362	290	205	85
12	BAJAU	11,344	1,816	1,434	1,077	357
13	IRRANUN	765	112	89	62	27
14	SULUK	1,583	250	195	148	47
15	IBAN	15,477	3,065	2,493	1,952	541
16	MELANAU	5,590	1,245	1,047	774	273
17	BIDAYUH	7,359	1,815	1,540	1,194	346
18	ORANG ULU	2,134	433	345	260	85
19	BEKETAN	1	-	-	-	-
20	BUNAN	1	-	-	-	-
21	ORANG ASLI SMG.	778	242	199	137	62
22	LAIN-LAIN	9,109	1,906	1,457	1,033	424
	JUMLAH	650,143	136,193	105,988	77,763	28,225

STATISTIK BAGI URUSAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2005

BIL.	KAUM	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TIDAK LANTIK	LANTIK
1	MELAYU	333,719	98,276	76,338	62,960	13,378
2	CINA	6,599	3,560	2,396	1,474	922
3	INDIA	9,826	3,079	2,409	1,522	887
4	BUGIS	1	-	-	-	-
5	MINANGKABAU	1	-	-	-	-
6	BUTON	1	-	-	-	-
7	BULONGAN	1	-	-	-	-
8	KADAZAN	6,601	2,199	1,794	1,569	225
9	DUSUN	11,692	3,571	3,031	2,601	430
10	MURUT	1,689	341	294	248	46
11	RUNGUS	1,707	374	316	276	40
12	BISAYA	1,505	353	288	245	43
13	BAJAU	8,229	1,700	1,343	1,149	194
14	IRRANUN	544	105	91	80	11
15	SULUK	1,127	247	193	178	15
16	IBAN	10,051	2,628	2,149	1,884	265
17	MELANAU	3,570	1,156	998	873	125
18	BIDAYUH	4,741	1,615	1,392	1,216	176
19	ORANG ULU	1,395	349	280	241	39
20	BUNAN	1	-	-	-	-
21	ORANG ASLI SMG.	458	326	263	204	59
22	LAIN-LAIN	6,256	1,799	1,411	1,237	174
	JUMLAH	409,711	121,679	94,986	77,955	17,031

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
TARIKH : 6 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN

Y.B Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan di negeri Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Negeri Melaka telah diperuntukkan sebanyak RM3.9 bilion di bawah peruntukan pembangunan. Peruntukan tersebut disediakan bagi melaksanakan projek-projek di pelbagai sektor termasuk sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran. Pecahan peruntukan mengikut sektor adalah seperti berikut:-

SEKTOR	PERUNTUKAN (RM bilion)	%
Ekonomi	2.0	51.3
Sosial	1.4	35.9
Keselamatan	0.2	5.1
Pentadbiran	0.3	7.7
Jumlah	3.9	100.0

Peruntukan mengikut sub-sektor pula adalah seperti berikut:-

SEKTOR	PERUNTUKAN (RM juta)	%
EKONOMI	1,996.0	
Pertanian	131.3	3.3
Pembangunan Sumber Galian	1.0	0.0
Perdagangan & Perindustrian	587.8	15.0
Pengangkutan	573.0	14.6
Tenaga & Kemudahan Awam	329.8	8.4
Kajian Kemungkinan	96.1	2.4
Penyelidikan & Pembangunan	10.0	0.2
Alam Sekitar	267.0	6.8
SOSIAL	1,439.9	
Pelajaran & Latihan	1,060.3	27.0
Kesihatan	195.0	5.0
Kebudayaan, Belia & Sukan	37.6	1.0
Pembandaran & Kemasyarakatan	57.9	1.5
Pembangunan Kampung	62.0	1.6
Kebajikan Masyarakat & Perpaduan	27.1	0.7
KESELAMATAN	159.6	
Pertahanan	9.7	0.2
Ketenteraman Awam	149.9	3.8
PENTADBIRAN	333.9	
Pembinaan, pembaikan & pengubahsuaian bangunan	333.9	8.5
JUMLAH	3,929.4	100.0

Antara projek besar bagi sektor ekonomi ialah projek Pembersihan Dan Pengindahan Sungai Melaka yang bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan berkunjung ke Melaka. Di samping memperkenalkan Melaka ke negara luar, projek ini juga akan meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat tempatan kerana projek tersebut akan menyediakan peluang pekerjaan, memberikan sumber pendapatan serta menyediakan kemudahan rekreasi kepada penduduk setempat.

Projek utama lain termasuklah projek:-

- Menaik Taraf Sistem Saliran Di Bandaraya Melaka;
- Rancangan Tebatan Banjir di Melaka Tengah, Masjid Tanah dan Sungai Nyalas;
- Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian di Jasin, Alor Gajah dan Bandaraya Melaka;
- Peningkatan Kemudahan Pelancongan;
- Pembinaan Jalan Bukit Kemandore, Pembinaan Jalan dari Kg. Jernih ke Ramuan Cina, Pembinaan Jalan dari Durian Tunggal ke Paya Rumput ke Sungai Udang dan Pembinaan Jalan dari Macap ke Selandar;
- Bekalan Elektrik dan Bekalan Air Luar Bandar;
- Sekolah Rendah dan Menengah;
- Universiti Teknologi Melaka;
- Kolej Komuniti, Kolej Profesional MARA
- Institut Latihan Perindustrian Selandar;
- Klinik Desa;
- Rumah Seri Kenangan; dan
- Kompleks Penyayang.

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 6 MEI 2008

RUJUKAN : 842

Soalan :

Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah dan perancangan yang diambil bagi membendung serta mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Labis bertarikh 5 Mei 2008 dan Ahli Yang Berhormat Ampang bertarikh 6 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan-tindakan seperti meningkatkan *police presence* dengan penambahan keanggotaan dan memperbanyakkan rondaan; memperluaskan kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam mengadakan operasi bersepadu serta badan-badan berkanun seperti Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF) dalam mengadakan kempen-kempen pencegahan; menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan Cop dan Rukun Tetangga, melalui ceramah-ceramah, kempen-kempen menerusi media massa dan meletakkan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu. Setakat ini, keadaan jenayah adalah terkawal.

No: 59

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)**
- TARIKH** : **6 MEI 2008 (SELASA)**
- SOALAN** : Oleh **Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaiktaraf Pelabuhan Perikanan Chendering, Terengganu untuk membantu nelayan pantai.
- JAWAPAN** : Oleh **Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Pelabuhan Perikanan Chendering, Terengganu telah beroperasi sejak November 1983 meliputi kawasan seluas 8.0 hektar di daratan. Kos membina pelabuhan ini adalah sebanyak RM29.0 juta yang dibina dibawah Rancangan Malaysia ke Tujuh (RMK-7) untuk kegunaan sebanyak 156 buah bot dengan kapasiti pendaratan pada masa itu ialah sebanyak 16,294 metrik tan setahun.

Kini Pelabuhan Perikanan Chendering mampu menampung sebanyak 267 buah bot melibatkan seramai 699 orang nelayan dan 270 orang pengguna lain yang terdiri daripada pemborong, peruncit dan pemeroses sepanjang tahun.

Dibawah RMK-9, LKIM belum ada perancangan khusus untuk menaik taraf pelabuhan Chendering. Walau bagaimanapun, LKIM telah memperolehi peruntukan sebanyak RM6.7 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dari masa ke semasa bagi memastikan pelabuhan ini sentiasa dalam keadaan baik.

Pelabuhan Chendering yang terletak di dalam kawasan Koridor Pantai Timur (ECER) merupakan pusat pertumbuhan industri perikanan yang strategik. Kemudahan asas yang disediakan adalah seperti jeti pendaratan, bilik sejuk, dewan pemasaran ikan dan sebagainya adalah juga meliputi untuk kegunaan nelayan pantai. Selain itu, pihak LKIM dan DoF menggalakkan nelayan pantai yang beroperasi di Pulau Kambing, Kuala Terengganu supaya mendaratkan ikan di Pelabuhan Chendering.

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

No: 60

SOALAN 60

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG).
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN : 9. PR-1211-L11839
Y.B. Datuk Haji Baharum bin Mohamed minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang telah di tahan di luar negara akibat dadah, berapakah bilangan mereka dan nyatakan negara-negara yang terlibat sejak 5 tahun kebelakangan ini

SOALAN 9

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR)
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN : 21. PR-1211-L11319
Y.B. Puan Rosnah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah ditahan di luar negara atas pelbagai kesalahan seperti pengedaran dadah dan sebagainya dari tahun 2004 hingga sehingga kini. Apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan kes-kes mahkamah yang telah dibicarakan di luar negara dan apakah Kementerian bercadang menubuhkan satu sekretariat di setiap negara terbabit bagi membantu rakyat Malaysia untuk menyelesaikan kes-kes mahkamah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya memohon izin untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang) Dan Y.B. Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin (Papar) memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh mengenai perkara yang sama iaitu mengenai penahanan rakyat Malaysia di luar negara.

2. . Berdasarkan rekod sedia ada dan laporan daripada pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara, jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di atas pelbagai kesalahan seperti pemalsuan kad kredit, kesalahan berkaitan imigresen (seperti tinggal lebih masa, tinggal dan bekerja tanpa permit sah) dan penyeludupan dadah dari tahun 2004 hingga April 2008 adalah seperti berikut:

- Tahun 2004:
 - Jumlah Tahanan: 140 orang di tahan di atas kesalahan pemalsuan kad kredit, kesalahan imigresen dan kesalahan dadah;
 - 4 daripadanya ditahan di atas kesalahan dadah;
- Tahun 2005:
 - Jumlah tahanan: 212 orang ditahan atas kesalahan pemalsuan kad kredit, kesalahan imigresen dan kesalahan dadah.
 - 79 daripadanya ditahan di atas kesalahan dadah.
- Tahun 2006
 - Jumlah tahanan : 158 orang ditahan atas kesalahan pemalsuan kad kredit, kesalahan imigresen dan kesalahan dadah.

- 39 daripadanya ditahan di atas kesalahan dadah;
- Tahun 2007
 - ○ Jumlah tahanan : 156 orang ditahan atas kesalahan pemalsuan kad kredit, kesalahan imigresen, kesalahan penyeludupan manusia dan kesalahan dadah;
 - 78 daripadanya ditahan di atas kesalahan dadah;
- Januari hingga April 2008
 - Jumlah tahanan : 45 orang di tahan atas kesalahan kad kredit, penyeludupan manusia dan kesalahan dadah;
 - 29 daripadanya ditahan atas kesalahan dadah;

Tuan Yang DiPertua,

4. Selaras dengan dasar Luar Malaysia dan amalan perundangan antarabangsa, Kementerian Luar Negeri dan pejabat-pejabat Kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara tidak campur tangan di dalam proses perundangan sesebuah negara apabila rakyat Malaysia di tahan kerana melanggar undang-undang di negara-negara berkenaan sehinggalah perbincangan selesai dilakukan. Ini adalah penting bagi membolehkan proses perundangan berjalan dengan lancar dan teratur.

5. Peranan kerajaan Malaysia melalui pejabat-pejabat Kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara adalah penting di dalam memastikan perbincangan dijalankan selaras dengan undang-undang yang diperuntukkan dan kebajikan rakyat Malaysia yang ditahan tidak terabai sama ada dari aspek perundangan mahupun kebajikan. Ini dilakukan melalui lawatan oleh pegawai-pegawai di kedutaan ke negara dan tempat mereka di tahan.

6. Selain daripada menjadi penghubung yang penting di antara tahanan dengan ahli keluarga mereka di Malaysia, pejabat-pejabat Kedutaan dan

Konsulat juga adalah penghubung utama di antara pihak tahanan dengan pihak berkuasa tempatan.

7. Buat masa ini, Kementerian Luar Negeri berpendapat bahawa belum ada keperluan untuk Kementerian ini menubuhkan satu Sekretariat di setiap negara terbabit bagi membantu rakyat Malaysia untuk menyelesaikan kes-kes mahkamah tersebut memandangkan pejabat-pejabat Kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara mampu memberikan bantuan konsular dan lain-lain khidmat nasihat kepada rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING
[LANANG]
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN :**

Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) bilangan pesakit yang memerlukan pemindahan organ dan tisu untuk menyelamatkan nyawa mereka; dan
- b) bilangan orang yang mendaftar diri sebagai bakal penderma organ dan tisu di Pusat Sumber Transplan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pemindahan organ dan tisu yang dapat dilakukan di Malaysia antaranya merupakan pemindahan buah pinggang, hepar, jantung, paru-paru, kornea (selaput hadapan mata), sum-sum tulang serta tisu-tisu yang lain seperti tulang, kulit dan injap

jantung. Kadar pendermaan organ dan tisu di negara ini masih berada pada tahap yang rendah iaitu dengan nisbah 0.96 pendermaan bagi setiap juta populasi berbanding dengan negara lain seperti Sepanyol (34.6 pendermaan bagi setiap juta populasi) dan Amerika Syarikat (34.6 pendermaan bagi setiap juta populasi). Disebabkan kadar pendermaan yang rendah ini, dianggarkan seramai 6,000 hingga 7,000 pesakit sedang menunggu bagi menjalani pemindahan organ dan tisu di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Sehingga penghujung bulan Mac 2008, sejumlah 112,000 orang telah berikrar untuk mendermakan organ dan tisu mereka. Daripada jumlah tersebut, 60% terdiri dari masyarakat Cina, 23% masyarakat India dan 12% masyarakat Melayu. Kesedaran serta keterbukaan masyarakat Melayu untuk menderma organ dan tisu secara umumnya telah meningkat di mana bilangan pengkikirar baru telah meningkat daripada 1,650 pengkikirar pada tahun 2005 kepada 2,280 pengkikirar pada tahun 2007. Bilangan penderma sebenar organ dan tisu di kalangan masyarakat Melayu juga mencatat bilangan tertinggi pada tahun 2007 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu 5 orang penderma. Bilangan penderma sebenar dari kaum-kaum lain pada tahun 2007 adalah kaum Cina 14 orang, India 3 orang dan kaum-kaum lain seramai 3 orang.

Kementerian Kesihatan telah mengatitkan strategi tertentu bagi membangunkan perkhidmatan transplantasi di negara ini. Antara langkah penting yang telah dilaksanakan termasuk merangka polisi Kementerian melalui penerbitan *National Organ, Tissue and Cell Transplantation* pada bulan Jun 2007 di mana Majlis Transplantasi Kebangsaan dan Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Kebangsaan telah ditubuhkan bagi membantu Kementerian melaksanakan dasar-dasar yang telah dipersetujui.

Langkah-langkah bagi mempertingkatkan kadar pendermaan organ dan tisu kadaverik di negara ini adalah sebagaimana berikut;

- i. Mempertingkatkan kesedaran orang awam dan anggota perubatan mengenai kepentingan pendermaan organ dan tisu; dan
- ii. Memperkukuhkan perkhidmatan perolehan organ dan tisu kadaverik di Kementerian Kesihatan.

Antara aktiviti yang telah diatur termasuk pelancaran kempen media, latihan intensif dan komprehensif kepada anggota perubatan serta memperkukuhkan fungsi Unit Perolehan Organ dan Tisu Kebangsaan dan di negeri-negeri lain di Malaysia.

PERTANYAAN DI DEWAN RAKYAT

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)
 PERTANYAAN : LISAN
 TARIKH : 06.05.2008

Soalan:

Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah kes hapuskira cukai yang telah dilaksanakan setakat ini dan nilai di dalam Ringgit Malaysia jumlah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes hapuskira cukai pendapatan dan cukai kastam yang telah dilaksanakan bagi tempoh empat tahun dari 2004 - 2007 masing-masing adalah seperti berikut:

Cukai Langsung

Tahun	Bilangan Kes	Amaun (RM)
2004	5,338	37,828,067.01
2005	1,893	19,444,144.42
2006	8,548	59,573,032.73
2007	40,039	781,079,577.88
Jumlah	57,314	941,834,918.53

Cukai Tidak Langsung

Tahun	Bilangan Kes	Amaun (RM)
2004	14	310,861.84
2005	25	3,657,929.16
2006	24	4,187,543.34
2007	5	192,711.39
Jumlah	68	8,349,045.73

No: 63

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**Daripada : YB. Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri
[Kuala Nerus]**

**YB. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
[Maran]**

Tarikh : 6 Mei 2008

Soalan : 3 dan 63

YB. Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan hasil kaji selidik saintifik yang telah dijalankan di bawah program Angkasawan Negara.

No: 63

YB. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib meminta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan misi angkasa lepas yang telah menaikkan nama negara dan apakah faedah ketara yang diperolehi oleh negara melalui program ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan 3 iaitu dari YB Kuala Nerus dan soalan 63 iaitu dari YB Maran yang dijadualkan pada hari ini secara serentak kerana kedua-duanya adalah berkaitan perkara yang sama.

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana ahli-ahli yang berhormat sedia maklum Program Angkasawan Negara telah dilaksanakan dengan jayanya pada Oktober 2007 yang lalu. Kejayaan Program ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan dan memberi faedah yang amat besar kepada Negara.

Selain dari menaikkan nama negara di peringkat dunia, meningkatkan minat dan kesedaran rakyat umum dan pelajar-pelajar khususnya terhadap kepentingan sains dan teknologi, program ini juga berjaya menanamkan rasa kebanggaan seluruh rakyat Malaysia. Ini adalah antara faedah tidak ketara atau sukar diukur (*intangible*) dari program tersebut.

Antara faedah yang ketara (*tangible*) pula adalah hasil dari program penyelidikan sains mikrograviti yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik daripada UKM, UM, UPM, UiTM, MARDI dan Institut Perubatan Penerbangan, MINDEF. Dari analisa awal yang telah dilakukan, semua kajian saintifik yang dijalankan telah menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan. Disamping itu, sekurang-kurangnya satu *technology spin-off* akan dikomersilkan.

Angkasawan Negara juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila beliau telah diminta untuk melaksanakan beberapa uji kaji saintifik oleh agensi angkasa antarabangsa seperti Japan Exploration Space Agency (JAXA) dan European Space Agency (ESA).

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya kerajaan telah pun bersetuju untuk meneruskan program ini. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada peruntukan yang bakal digunakan dan juga perincian berkaitan Program Angkasawan selanjutnya. Antaranya adalah, misi program yang perlu penekanan yang lebih kepada impak ekonomi; cadangan kerjasama pelaksanaan misi dengan agensi-agensi antarabangsa seperti ROSCOSMOS (Rusia) atau NASA (Amerika Syarikat) atau gabungan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti ESA (Kesatuan Eropah) atau JAXA (Jepun); tempoh pelaksanaan misi yang lebih panjang dan tarikh misi program akan datang. Perincian ini yang sedang dalam penelitian kerajaan akan menentukan pula kos misi tersebut nanti.

Di samping itu, pihak Kementerian sedang menjalankan kajian *Cost Benefit Analysis* (dengan izin) bagi mengkaji pelbagai aspek berkaitan Program Angkasawan Negara. Kajian ini yang dijangka akan selesai dalam tempoh yang terdekat, juga akan diambil kira oleh kerajaan di dalam membuat keputusan terhadap penerusan program ini. Keputusan ini juga akan mengambilkira pandangan umum termasuk pandangan daripada golongan saintis tempatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

SOALAN NO. 64

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD. RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 6 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada golongan miskin tegar Kementerian di seluruh Malaysia dan adakah banciaan dibuat untuk mengenal pasti bahawa bantuan ini mencukupi untuk menyara kehidupan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Dalam membantu golongan Miskin Tegar di luar bandar, KKLW telah melaksanakan program yang dikategorikan kepada 3 bidang utama iaitu bagi :-

- i. Peningkatan tahap ekonomi yang dilaksanakan melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang memberi bantuan pada kadar tidak melebihi RM10,000 seorang bagi menjalankan aktiviti ekonomi secara kecil-kecilan dan ASB Sejahtera yang memberi saham ASB sebanyak RM5,000 seorang.
- ii. Peningkatan kualiti kehidupan yang dilaksanakan melalui Program Bantuan Rumah (PBR), dan melalui Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS).
- iii. Pembangunan modal insan melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), TASKA dan Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS).

Kementerian tidak menjalankan bancian tentang bantuan sara hidup bagi mengenal pasti bantuan itu mencukupi atau tidak kerana ketiga-tiga bidang utama bantuan yang diberikan oleh Kementerian adalah untuk meningkatkan pendapatan dan meningkatkan kualiti kehidupan golongan miskin tegar.

SOALAN NO. 65**PEMBERITAHU PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. DZULKEFLY AHMAD
KAWASAN : KUALA SELANGOR
TARIKH : 06.05.2008 (SELASA)
SOALAN: :

Y.B. DR. DZULKEFLY AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi meraih Pelaburan Asing Langsung (FDI) yang hanya berjumlah RM 12 billion pada tahun 2007.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhannya, pada tahun 2007, jumlah kemasukan pelaburan asing dari segi projek perkilangan dan perkhidmatan yang diluluskan adalah RM44.2 billion.

Jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi sektor perkilangan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM33.4 billion, iaitu yang tertinggi pernah dicatatkan sehingga kini. Ini adalah berikutan kenalkan untuk

4 tahun berturut-turut, iaitu RM20.2 billion pada tahun 2006, RM17.9 billion pada tahun 2005 dan RM13.1 billion pada tahun 2004.

Sementara itu, bagi sektor perkhidmatan, pada tahun 2007 jumlah pelaburan langsung asing yang diterima adalah sebanyak RM10.8 billion. Pelaburan asing adalah terutamanya dalam subsektor pengangkutan berjumlah RM4.5 billion, perdagangan pengedaran berjumlah RM1.95 billion, hartanah berjumlah RM1.7 billion, dan syarikat berstatus MSC berjumlah RM1.3 billion.

Antara langkah berterusan yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kemasukan pelaburan asing adalah:

- mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;
- menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP) bagi menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara;
- memberi tumpuan utama kepada industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal, berasaskan sumber serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi;
- menggalakkan syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk membesarkan dan mempelbagaikan operasi mereka dengan menawarkan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal seperti "pre-package", dengan izin, bagi projek besar dan berteknologi tinggi. Pengecualian cukai yang lebih istimewa

berbanding insentif-insentif yang biasa seperti geran turut ditawarkan;

- mengambil langkah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
- memperkenalkan insentif baru dan menambah baik Insentif-insentif yang sedia ada dari semasa ke semasa;
- menganjurkan pelbagai program penggalakan pelaburan, termasuk misi perdagangan dan pelaburan serta misi projek spesifik ke negara sumber pelaburan asing;
- meningkatkan kecekapan sistem penyampalan Kerajaan Pasukan Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH telah ditubuhkan pada tahun 2007; dan
- Melancarkan lima Koridor Pembangunan Ekonomi untuk menarik minat pelabur asing. Koridor-koridor pembangunan tersebut telah memperkenalkan pakej-pakej Insentif tambahan, seperti pengecualan cukai korporat, kebenaran mendapatkan sumber modal asing dan kelonggaran syarat pengambilan pekerja mahir asing. Insentif yang diberikan adalah lebih khusus kepada sektor-sektor ekonomi yang strategik. Pada tahun 2007, negeri Johor dengan Koridor Pembangunan Iskandar telah mencatatkan kemasukan pelaburan asing tertinggi iaitu sebanyak RM6.75 bilion.

SULIT

NO. SOALAN: ~~28~~ 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato'Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar]
TARIKH : 6 Mei 2008

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada Kementerian **sedar atau tidak sistem penyampaian Kerajaan** hari ini lebih menjurus kepada "sistem kenal siapa" iaitu bagi rakyat yang tidak kenal sesiapa dalam sesuatu jabatan mereka mendapati amat susah dan memakan masa untuk berurusan dengan kerajaan. Apakah dengan persepsi ini sistem "**PEMUDAH**" akan diperkenalkan bagi **memudahkan semua lapisan masyarakat?**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua

Berbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memudahkan semua lapisan masyarakat mendapatkan perkhidmatan apabila berurusan dengan Kementerian. Usaha-usaha tersebut adalah untuk mengelak persepsi bahawa rakyat

hanya akan memperoleh perkhidmatan sekiranya mereka kenal seseorang di dalam sesebuah jabatan Kerajaan. Secara umum usaha-usaha tersebut memberi tumpuan kepada **penyediaan pelbagai saluran perkhidmatan** dan **usaha-usaha mengurangkan kerenah birokrasi**.

Penyediaan pelbagai saluran perkhidmatan bertujuan untuk memberi pilihan kepada rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan yang dipohon. Selain daripada saluran-saluran tradisional seperti perkhidmatan kaunter yang menyediakan pelbagai perkhidmatan (multi-purpose counter), agensi-agensi Kerajaan juga sedang giat menyediakan perkhidmatan secara atas talian (on-line). Misalnya mulai 1 Julai 2008, semua urusan bayaran di 106 agensi kerajaan peringkat Persekutuan boleh dilakukan secara atas talian menggunakan kad kredit dan kad debit. Dengan wujudnya kepelbagaian saluran perkhidmatan ini, ianya akan memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan dengan lebih cepat.

Kemudahan secara atas talian ini turut diperluaskan bagi meliputi segala urusan pertanyaan, memberi maklumbalas atau pun mengemukakan aduan. Misalnya, Biro Pengaduan Awam telah menyediakan sistem e-Aduan bagi membolehkan rakyat mengemukakan aduan mereka mengenai mana-mana agensi

SULIT

NO. SOALAN: 28

Kerajaan. Setiap aduan kemudian akan diberi jawapan atau maklumbalas dalam tempoh 3 hari.

Disamping itu, kerajaan masih meneruskan program Hari Bersama Pelanggan bagi membolehkan rakyat menyelesaikan masalah secara terus dengan agensi berkenaan. Selain daripada menjadi salah satu saluran menyelesaikan masalah pelanggan, program bersemuka ini dapat meningkatkan kualiti perhubungan awam antara pelanggan dengan agensi berkenaan. Konsep ini turut diperkembangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang menyediakan saluran interaksi bersama pelanggan secara atas talian melalui Hari Khas JPA Bersama Pelanggan. Penyediaan kemudahan ini membolehkan pelanggan mengemukakan masalah mereka setiap waktu tanpa menunggu program Hari Bersama Pelanggan.

Usaha untuk mengurangkan kerenah birokrasi merupakan inisiatif peringkat dalaman agensi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Usaha ini diterajui oleh Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri. Tumpuan utama pasukan ini adalah terhadap penambahbaikan sistem dan prosedur kerja, mengkaji semula undang-undang dan peraturan, memperkemaskan pelaksanaan Piagam Pelanggan dan

SULIT

NO. SOALAN: 28

menentukan sumber yang perlu bagi meningkatkan tahap penyampaian sesuatu perkhidmatan.

Banyak kejayaan telah dicapai oleh Pasukan Petugas berkenaan dalam mengurangkan kerenah birokrasi. Antara pencapaian-pencapaian tersebut adalah seperti penyediaan kemudahan E-Lodgement oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi urusan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan. Kemudahan ini bukan sahaja membenarkan pelanggan melaksanakan urusan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan dan pembayaran secara *online*, turut juga membolehkan data yang dihantar dikemaskini terus ke Sistem Korporat SSM (Companies and Business System) untuk proses verifikasi dan kelulusan. Pelanggan juga boleh mencetaknya sendiri kelulusan Pemerbadanan Syarikat atau Sijil Perniagaan yang dihantar kembali melalui e-mel.

Sebagai kesimpulan, dengan usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan, penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan menjadi lebih telus, cepat dan memudahkan. Di samping dapat memuaskan hati rakyat, secara langsung ianya akan menimbulkan persepsi yang positif kepada agensi-agensi kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan yang efektif dan berkesan secara responsif.

NA - 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)
TARIKH : 06.05.2008 (SELASA)
SOALAN : 67

DR. TAN SENG GIAW (KEPONG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keadaan inflasi di negara ini. Adakah kenaikan harga barang-barang kawalan seperti petrol, tepung gandum dan beras akan dibenarkan dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi tekanan inflasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kadar inflasi negara adalah 2.8% di mana ianya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara ASEAN. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan kenaikan harga barang-barang kawalan.

Langkah yang telah diambil bagi menangani isu ini adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Dalam tempohmasa Januari 2008 hingga 20 April 2008 pula, sejumlah 328,352 pemeriksaan telah dijalankan meliputi premis pengilang, pengimport, pemborong, kedai runcit, pasaraya, pasar malam, pasar awam, kedai makan, kedai pakaian, kedai perabut dan lain-lain.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 550 kes telah dihasilkan di bawah pelbagai akta yang dikuatkuasakan dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM 731,055.95.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 10 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis, roti (*standard white loaf*), ayam, minyak masak, simen dan bar besi keluli lembut masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga telah digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatat dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam Diraja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah baru untuk membendung kenaikan harga dan inflasi. Langkah-langkah tersebut adalah :

- (i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar

Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

- (ii) Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung, besi dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946 dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna.
- (iii) Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan dipertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasar dapat dibanteras.
- (iv) Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:
 - a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
 - b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan
 - c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)
TARIKH : 6 MEI 2008
SOALAN : TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan a'maun peruntukan pembangunan kawasan Parlimen yang ditetapkan untuk tahun 2008 untuk setiap kawasan, bagaimanakah peruntukan ini disalurkan kepada kawasan yang diwakili oleh wakil pembangkang mendapat hak yang sama seperti wakil kerajaan dalam pengurusan peruntukan ini.

JAWAPAN : Y.B. DATO' HAJI HASSAN BIN MALEK

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini berserta dengan soalan nombor 17 pada 7 Mei 2008, soalan nombor 16 pada 12 Mei 2008, soalan nombor 64 pada 21 Mei 2008, soalan nombor 25 pada 22 Mei 2008 dan soalan nombor 48 pada 26 Mei 2008.

Peruntukan kepada kawasan Parlimen ini adalah merupakan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen dan disalurkan kepada semua kawasan Parlimen melalui Pejabat Pembangunan Negeri di negeri masing-masing. Selepas Pilihanraya Umum ke-12 tahun 2008, peruntukan yang disalurkan untuk setiap kawasan Parlimen adalah RM500,000. Semua Y.B. Ahli Parlimen boleh mencadangkan kepada PPN projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan berkenaan. PPN akan mempertimbangkan cadangan tersebut berdasarkan kepada garis panduan dan peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada.